

BAB TIGA

PERANCANGAN STRATEGIK KE ARAH PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN DALAM TAHUN 1955 - 1965

Kejayaan menubuhkan Kolej Islam Malaya pada tahun 1955, bertempat di istana Jam'ieyah yang telah diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah, di Kampung Jawa Klang, Selangor, telah meninggikan maruah umat Islam di Tanah Melayu tentang peri pentingnya sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang dapat menampung pelajar-pelajar dari seluruh sekolah-sekolah agama di negara ini.¹ Setelah pembukaan rasmi pada 8 April 1955, tanggungjawab baru harus dipikul oleh pihak pengelola Kolej Islam Malaya. Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan ialah perancangan strategik untuk mengukuh dan memajukan Kolej Islam Malaya daripada segi pentadbiran, prasarana, staf, pelajar, kewangan, dan kurikulum.

3.1: Pentadbiran Kolej Islam Malaya

Perancang strategik amat perlu dibuat oleh lembaga tadbir Kolej Islam Malaya (KIM) bagi menghadapi pelbagai rintangan, khususnya

¹ Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, UKM, "Masa Hadapan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di Malaysia", dlm., h.185. Lihat juga, M. Kamal Hassan "Some Dimensions of Islamic Education in Southeast Asia", dlm., Taufik Abdullah dan Sharon Siddique (Penytg), Islam and Society in Southeast Asia, Singapore: Sosial Issues in Southeast Asia, Institute of Southeast Asian Studies, 1986, h.52.

sentimen anti-Islam oleh golongan sekular dan golongan pro-Barat, yang boleh mengancam keutuhan dan perkembangan KIM pada masa akan datang. Keperluan perancangan yang sistematik lebih mendesak lagi kerana dua perkara penting; pertama, KIM ialah satu institusi Islam yang lahir dengan autonomi tersendiri; dan kedua, KIM bukan diasaskan daripada keinginan Kementerian Pelajaran ketika itu. KIM lahir sebagai institusi pengajian tinggi Islam hasil daripada usaha tokoh-tokoh akademik, ulamak, dan sultan-sultan Melayu. Kelahiran KIM mendahului kelahiran institusi pendidikan tinggi ala kurikulum sekular British untuk anak-anak Melayu yang bersekolah setakat Darjah Empat dalam aliran Melayu tahun 1950-an.

Perancangan strategik bertujuan untuk menggunakan kekuatan (*strength*) dalaman organisasi untuk terus maju dan berkembang, dan di samping itu menggunakan taktik tertentu untuk mengatasi halangan dan ancaman (*threats*). Perancangan strategik bermula dengan wawasan, matlamat, dan objektif-objektif organisasi. Bagi KIM wawasannya ialah untuk mengadakan sebuah institusi pengajian Islam yang bertaraf universiti di negara ini. Manakala matlamat penubuhan KIM ialah untuk melahirkan tokoh-tokoh, ulamak dan kader-kader dakwah untuk menyebarkan ajaran Islam; melahirkan para pelajar yang kental penghayatan ilmu agama bagi melawan fahaman sekular yang disebarkan oleh penjajah British; mewujudkan satu model pendidikan yang dapat menyatupadukan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara, dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah agama dan Arab melalui penggunaan kurikulum yang seragam.

Di samping itu, antara objektif penubuhan KIM ialah menjadikan Kolej Islam sebagai pusat persediaan pelajar sebelum menyambung pelajaran ke universiti luar negara; melahirkan para pelajar yang seimbang dari segi rohani, jasmani, daya intelek dan emosi; mengadakan kurikulum sepadu antara subjek agama dan pengetahuan am; menyediakan guru-guru agama dan bahasa Arab bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah; dan, memperbaiki taraf pegawai-pegawai agama yang bekerja di institusi Islam seperti jabatan agama dan mahkamah syariah.

Sebelum Kolej Islam Malaya ditubuh dengan rasminya, pihak yang bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan usaha-usaha penubuhan ialah Jawatankuasa Penaja Kolej Islam Malaya. Selepas pembukaan rasmi, jawatankuasa penaja telah dibubarkan dan pentadbiran kolej diambil alih oleh Majlis Kolej Islam Malaya (MKIM), dan Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff telah dipilih sebagai pengerusi MKIM yang pertama.² Mengikut Perlembagaan Kolej Islam Se-Malaya³ Majlis Kolej Islam Malaya terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- (a) Mudir Kolej
- (b) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Terengganu atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Terengganu
- (c) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Johor

² Muslim College Malaya, Calendar 1963 -1964, Caxton Stationers Ltd., Klang, Selangor, 1964, h.4.

³ Perlembagaan Kolej Islam Se-Malaya (Penerbit?, tahun?) , h.1 -3. Boleh dilihat juga dalam, Muslim College Malaya, Calendar 1961; Muslim College Malaya, Calendar 1963-1964, h.16-17; Kalendar Kolej Islam Malaya 1965-1966, h. 24-25; Fail Kolej Islam Malaya, dalam Surat Persendirian Prof. Dato' Dr. Ungku Omar bin Ungku Ahmad, SP.69/A/52 (ANM) h.1-2.

- (d) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor atau seorang yang dilantik oleh jabatan Agama Islam Selangor
- (e) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Perak atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Perak
- (f) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Pahang atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Pahang
- (g) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Perlis atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Perlis
- (h) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Kelantan atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Kelantan
- (i) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Kedah atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Kedah.
- (j) Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan atau seorang yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan
- (k) Yang Dipertua Majlis Penasihat Islam Singapura atau seorang yang dipilih oleh Jemaah Penasihat Islam Singapura
- (l) Yang Dipertua Majlis Penasihat Agama Islam Pulau Pinang atau seorang yang dipilih oleh Jemaah Penasihat Islam Pulau Pinang
- (m) Yang Dipertua Majlis Penasihat Agama Islam Melaka, tetapi sebelum tertubuh Jemaah Penasihat Islam itu yang Dipertua Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya Melaka atau seorang yang dipilih oleh Persekutuan Islam Melaka

- (n) Tiada lebih lima orang yang diakui ulamak yang dilantik oleh Majlis Kolej itu. Tiap-tiap seorang yang diangkat demikian itu hendaklah dilantik selama tiga tahun
- (o) Tiada lebih lima orang lain penduduk tetap dalam Persekutuan Tanah Melayu atau dalam tanah jajahan Singapura yang dilantik oleh Majlis Kolej itu.

Ahli-ahli MKIM dilantik berdasarkan faktor-faktor yang membawa keuntungan kepada kemajuan Kolej Islam seperti, boleh memberi sokongan moral dan politik secara menyeluruh, dapat memberikan idea-idea yang bernas dalam variasi yang pelbagai, dapat mencari sumber-sumber kewangan dalam pelbagai bentuk seperti wakaf dan derma, boleh mendapatkan pelajar-pelajar yang terbaik untuk mengisi peluang belajar di Kolej. Pemilihan mereka juga akan membawa kepada pengiktirafan yang tinggi terhadap Kolej Islam oleh masyarakat Melayu.

Perlantikan sebagai ahli jawatkuasa bagi Mudir Kolej, ulamak, dan penduduk tetap dalam Persekutuan Tanah Melayu atau dalam Tanah Jajahan Singapura, berkuatkuasa selama tiga tahun sahaja. Majlis KIM boleh melantik semula mereka yang telah tamat tempoh jawatan tersebut.⁴

Majlis KIM mempunyai tanggungjawab yang besar bagi membangun dan memajukan Kolej Islam Malaya. Antara fungsi MKIM ialah:⁵

- a) Bertanggungjawab menyimpan daftar mengenai penyata derma kepada KIM, nama-nama penderma, dan syarat-syarat yang diberikan oleh para penderma.

⁴ Perlembagaan KIM, h.3.

⁵ Perlembagaan, *ibid.*, h.9-11. Lihat lampiran C.

- b) Memegang dan mentadbirkan harta, wang atau kumpulan wang yang disumbangkan oleh orang ramai.
- c) Menggunakan sebarang harta, wang atau kumpulan wang, yang bukan harta atau kumpulan wang yang diberi kerana maksud-maksud tertentu seperti; mengadakan elaun kepada mudir, timbalan mudir (jika ada), kakitangan dan pekerja Kolej; mengadakan peruntukan bagi pemeliharaan dan jagaan Kolej dan yang berkenaan dengannya; mengadakan melengkapkan Kolej dengan perabot dan alatan-alatan lain; menambah, mengubah dan membaiki keadaan tanah serta bangunan di bawah tadbirannya; membayar sebarang pemberian kepada '*Provident Scheme atau Provident Fund*' yang ditubuhkan; mengadakan hadiah-hadiah pelajaran bagi manfaat pelajar KIM.
- d) Mempersetujui atau menolak sebarang perintah atau aturan yang dikemukakan oleh senat.
- e) Membuat aturan berkenaan dengan tanggungan-tanggungan dan tertib (disiplin) bagi kakitangan Kolej.
- f) Menjalankan sebarang ikhtiar yang boleh memelihara atau menambahkan kesempurnaan Kolej.

Tokoh-tokoh yang menduduki kerusi ahli majlis merupakan mereka yang berpendidikan dan dihormati di kalangan masyarakat Islam di sesebuah negeri. Ketokohan mereka meletakkan KIM sebagai satu institusi yang bertaraf tinggi. Lantaran itu, pegawai-pegawai Inggeris,

orang bukan Islam dan orang-orang Melayu sekular berasa segan untuk merendah-rendahkan martabat Kolej Islam Malaya.

Antara nama-nama serta alamat Ahli Majlis Kolej Islam Malaya peringkat awal (1955-1958) ialah:⁶

1. Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff, J.P., - Pengerusi
8A, Raffles Place, Singapore, 1.
2. Tuan Haji Pateh Akhir bin Mat Sah, - Naib Pengerusi
Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Selangor
3. Dr. Mohamed Abdul Rauf
Pengetua, Kolej Islam Malaya
4. Tuan Haji Ally Maricar, J.P., - Bendahari kehormat
Peti Surat 241, Kuala Lumpur
5. Encik Zulkifli bin Mohamad - Setiausaha
Kolej Islam Malaya, Klang
6. YM. Raja Musa bin Raja Mahadi
Yang Dipertua, Jabatan Agama Islam Perak.
7. Tuan Syeikh Ahmad bin Hashim
No. 1 Jalan Pengkalan Asam, Kangar, Perlis
8. Tuan Syeikh Mahmud b. Mohd. Noh
Pengerusi Majuma' Mashikatul Islam
Pejabat Agama Islam, Alor Star, Kedah
9. Tuan Syeikh Mahmud
Pemangku Yang Dipertua Pejabat Agama Perlis
10. Tuan Haji Mohd Amin Amran
No. 15, Stulang Darat, Johor Bharu
11. Tuan Haji Hassan Yunus
No. 21, Jalan Puri Muar, Johor
12. Tuan Haji Mohamad Khan,
No. 35, Nunes Building,
9, Malacca Street, Singapore 1

⁶ Muslim College Malaya: Origin and Developments. 1955-1958, h.15.

13. Tuan Haji Othman Taat,
Pejabat Agama Negeri Sembilan
14. Y.M. Tengku Hussein bin Yahya,
Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu
15. Tuan Chief Kadi Brunei Darussalam
16. Tuan Haji Ahmad Mahir
Mufti Kerajaan Kelantan
17. Dato' Abu Samah
Yang Dipertua, Jabatan Agama Islam Pahang
18. Dato' Syed Alwee Tahir Alhaddad,
Mufti Kerajaan Johor
19. Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor
20. Ustaz Haji Ahmad Fuad,
Madrasah Misriah, Tanah Liat, Bukit Mertajam, P.W.
21. Ustaz Abu Bakar AlBaqir
Mudir Ehya' Assyarif, Gunong Semanggol, Perak
22. Ustaz Mohamad Fathullah Suhaimi
Mudir Kulliah al-Lughah waddin, Pekan Pahang
23. Tuan Pesuruhjaya Agama Islam Terengganu
Pejabat Agama Islam Terengganu
24. Tuan Haji Ishak Lutfi,
Pejabat Majlis Agama Islam, Kelantan.

3.1.1: Senat

Walaupun kuasa penubuhan dan pengelolaan diterajui oleh MKIM tetapi operasi pentadbiran dan pendidikan terletak di tangan Mudir Kolej. Mudir (Pengetua) Kolej mempunyai tanggungjawab khusus melaksanakan apa juga arahan dasar yang ditentukan oleh MKIM. Dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh MKIM, pengetua dibantu oleh staf kolej

yang terdiri daripada setiausaha, penyelia, kerani am dan kerani kewangan.⁷ Bagi menentukan kedudukan serta tanggungjawab Mudir serta ahli-ahlinya dalam urusan akademik, maka Perlembagaan KIM (Perkara 9), menetapkan penubuhan sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Senat.⁸ Majlis Senat mempunyai kuasa akademik yang tertakluk di bawah kawalan dan kelolaan am MKIM. Majlis Senat juga dengan persetujuan MKIM boleh membuat, membatalkan, mengubah atau meminda perintah-perintah serta peraturan yang berkaitan dengan:

- (a) Kelayakan calon yang boleh diterima sebagai penuntut KIM.
- (b) Subjek yang akan diambil oleh penuntut.
- (c) Peperiksaan yang hendak diluluskan dan syarat-syarat lain yang patut disempurnakan oleh penuntut bagi memperoleh syahadah⁹ dan sijil.
- (d) Melantik pemeriksa dalam negeri (*Internal Examiners*) dan mengesyorkan kepada MKIM bagi melantik pemeriksa luar negeri (*External Examiners*).
- (e) Memberi hadiah-hadiah pelajar dan menentukan jumlah hadiah pelajar, serta tempoh hadiah pelajar itu dilaksanakan.

MKIM juga telah menetapkan bahawa Majlis Senat tidak boleh melaksanakan sesuatu perintah atau peraturan sebelum diisytiharkan dalam takwim Kolej pada tahun berkenaan atau diletakkan di papan kenyataan Kolej. Majlis Senat juga hendaklah membuat laporan kepada MKIM terhadap apa jua program yang telah dilaksanakan.¹⁰

⁷ Sufyana, *op.cit.*, h.69.

⁸ Perlembagaan KIM, *op.cit.*, h.5.

⁹ Syahadah mempunyai taraf yang sama dengan diploma atau ijazah.

¹⁰ Perlembagaan KIM, *op.cit.*, h. 15-16.

Kolej Islam Malaya telah melalui proses perkembangan dan kemajuan, hasil daripada usaha perancangan strategik oleh Majlis dan Senat KIM antara tahun 1955 – 1958. Tempoh ini dianggap sebagai fasa pertama KIM, iaitu fasa penubuhan. Fasa pertama KIM berakhir pada Mac 1958. Dalam pentadbiran Kolej fasa pertama, MKIM telah mengadakan sepuluh kali mesyuarat sahaja. Mesyuarat kali pertama diadakan pada 7 April 1955 dan yang terakhir sekali diadakan pada 16 Mac 1958.¹¹

Pada pertengahan tahun 1958, KIM memasuki fasa kedua perkembangan strategik, iaitu fasa memantapkan kurikulum pengajian dan taraf diplamanya. Untuk tujuan strategik ini KIM membuat hubungan dengan Universiti Malaya pada tahun 1958. Lantaran itu, satu perlembagaan baru perlu digubal dan diperakukan oleh MKIM agar hubungan KIM dengan Universiti Malaya sah dari segi peraturan dan undang-undang tubuh KIM. Setelah perlembagaan baru digubal¹² bermulalah era hubungan dengan Universiti Malaya dengan secara rasmi.¹³

Majlis Kolej Islam Malaya telah diperakukan sebagai sebuah lembaga bagi Universiti Malaya dalam syarat-syarat Fasal X; namun bagi pihak KIM perkataan dan fungsi Majlis terus kekal. Hasil daripada hubungan dengan Universiti Malaya, Majlis Kolej Islam Malaya mengandungi ahli-ahli yang berikut:

¹¹ Kalendar KIM 1965/66, h.24.

¹² Perlembagaan baru KIM hanya menambah dan melengkapkan lagi perlembagaan lama. Bukan semua isi perlembagaan lama dibuang. Perlembagaan baru yang digubal lebih kepada penyesuaian terhadap perlembagaan lama.

¹³ The University of Malaya, Calendar 1962-1963, Charles Grenier, K. Lumpur 1962, h.34.

- (a) Seorang pengerusi dan tiga orang ahli yang lain dilantik oleh Majlis Mesyuarat Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu.
- (b) Dua orang ulamak Islam dilantik oleh Majlis Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu.
- (c) Dekan Fakulti Sastera Universiti Malaya.
- (d) Tiga orang ahli yang dilantik oleh Majlis senat Universiti Malaya.
- (e) Dua orang ahli yang dilantik oleh Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.
- (f) Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu.
- (g) Empat orang ahli yang dilantik oleh Pemegang Amanah Derma Kolej Islam Malaya.
- (h) Pengetua Kolej Islam Malaya.

Nama-nama ahli Majlis Kolej Islam Malaya pada akhir tahun 1959 ialah;

1. Tuan Haji Mustapha Albakri - Pengerusi
2. Dato' Shamsuddin bin Naim
3. Encik A. Jamil Rais - Kementerian Kewangan
4. Y.B En. Mohd. Ghazali bin Hj. Jawi - Menteri Besar Perak
5. Syeikh Mahmood bin Hj. Noh - Bekas Pengerusi Syekhul Islam Kedah
6. Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail - Mufti Kelantan
7. Prof. Hendrickson - Fakulti Sastera Universiti Malaya
8. Prof. Roolvink - Ketua Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya
9. Prof. C.A.M. Gray - Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya
10. Prof. J. Bastin - Dekan Fakulti Sastera Universiti Malaya

- 11.En. Aminuddin bin Baki - Ketua Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
- 12.En. Abdullah bin Sahat - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
13. En. Rastam bin Abdul Hadi - Kementerian Kewangan
- 14.Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff - Singapura
- 15.Tuan Haji Muhammad Khan - Singapura
- 16.Y.B Tuan Sheikh Ahmad bin Mohamad Hashim - Menteri Besar Perlis
- 17.Y.M. Tengku Husain bin Tengku Yahya
18. Dr. Mohd. Abd. Rauf - Pengetua KIM.

Ahli-ahli MKIM yang terdiri daripada wakil pelbagai institusi dan jabatan memberi impak besar kepada perkembangan dan kemajuan KIM. Sebagai contohnya, wakil dari senat Universiti Malaya boleh memberi bantuan dalam urusan memantapkan kurikulum pengajian dan peperiksaan. Seterusnya wakil dari Kementerian Kewangan dapat memberi teguran dan bimbingan dalam urusan pentadbiran kewangan KIM. Selain itu wakil kerajaan negeri pula sebagai pemerhati serta membuat pemantauan terhadap pentadbiran serta *input* politik yang relevan. Peranan wakil Majlis Raja-Raja pula berhubungan kait dengan urusan perlembagaan dan peraturan kolej yang sejajar dengan adat Melayu dan hukum Islam.

Dalam tahun 1959, Majlis Kolej Islam Malaya telah bersidang sebanyak 5 kali bagi memutuskan perkara-perkara besar seperti anggaran belanjawan Kolej dan sebagainya.

Bagi membantu MKIM melaksanakan pentadbiran agar lebih berkesan beberapa jawatankuasa telah dibentuk, iaitu seperti berikut:

3.1.2: Jawatankuasa Kecil Pentadbiran

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memberi nasihat serta pandangan yang munasabah kepada MKIM melaksanakan urusan pentadbiran meliputi bangunan, kelas, asrama, peralatan dan kurikulum. Jawatankuasa ini telah melaksanakan mesyuarat sebanyak 6 kali dalam tahun berkenaan. Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada;

1. Tuan Haji Mustapha Albakri
2. Encik A. Jamil bin Rais
3. Prof. Hendrickson
4. Encik Abdullah bin Sahat
5. Dr. Mohd. Abdul Rauf

3.1.3: Jawatankuasa Kecil Kewangan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada MKIM berhubungan dengan soal-soal kewangan. Pada tahun 1959, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak 6 kali. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil ini terdiri daripada;

1. Tuan Haji Mustapha Albakri
2. Encik Rastam bin A. Hadi
3. Encik Abdullah bin Sahat
4. Encik A. Jamil bin Rais
5. Y.B. Tuan Sheikh Ahmad bin bin Md. Hashim

6. Prof. C.A.M. Gray

MKIM fasa kedua telah melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Walau bagaimanapun beberapa kritikan telah dikemukakan oleh para pelajar Kolej Islam Malaya dan juga pemerhati di kalangan anggota masyarakat. Kritikan pelajar ke atas MKIM khusus yang berkaitan dengan usaha-usaha bagi mendapatkan pengiktirafan Sijil Kolej daripada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, masalah kemudahan asas di Kolej, dan juga ketegasan pihak MKIM terhadap pelajar yang tidak menjelaskan yuran tahunan Kolej.¹⁵ Masyarakat luar juga telah memberikan beberapa pandangan tentang keberkesanan pentadbiran MKIM. Antara beberapa pandangan tersebut ialah pandangan yang telah ditulis oleh Encik Abdul Samat bin Idris tentang hubungan Kolej Islam Malaya dengan Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya.¹⁶ Beliau mencadangkan agar MKIM mengkaji semula hubungan tersebut dan juga MKIM perlu memberikan tumpuan yang khusus untuk memajukan Kolej Islam yang dibina di Klang.

Setelah tempoh perkhidmatan sebagai ahli MKIM tamat pada tahun 1963, KIM telah mendapat pengerusi dan beberapa ahli jawatankuasa yang baru bagi mentadbir KIM Malaya bagi fasa ketiga, mulai sesi 1963/64. Ahli MKIM yang baru ini diharapkan dapat memperjuangkan kebajikan para pelajar KIM dan seterusnya dapat

¹⁵ Utusan Zaman, 20 November 1960, h.3, (Mikrofilem Box. No. 3460, M187/83, ANM).

¹⁶ Utusan Melayu, 7 November 1960, h.4. (Mikrofilem Box. No. 3460, M187/83, ANM) Encik Abd. Samat Idris telah membuat komentar tersebut berdasarkan ucapan Pengerusi MKIM semasa majlis penyampaian Sijil-Sijil Kolej Islam pada tahun berkenaan, yang menuduh kerajaan Persekutuan telah menganaktirikan Kolej Islam Malaya. Beliau menganggap pentadbiran MKIM lemah dan perlu dibaiki bagi manfaat para pelajar KIM.

meninggikan lagi taraf KIM sebagai universiti kolej seperti yang diharapkan sejak pembukaannya dahulu.

Senarai Ahli Jawatankuasa MKIM fasa ketiga (Sesi 1963/64) seperti berikut:¹⁷

1. Y.B. Dato Haji Hassan bin Haji Yunus (Menteri Besar Johor) -
Pengerusi
2. Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff
3. Y.B. Dato' Syekh Ahmad bin Mohd Hashim (Menteri Besar Perlis)
4. Y.B. Dato' Abu Bakar bin Baginda (Menteri Besar Selangor)
5. Y.B. Dato' Dr. Mohamad Said bin Mohammad (Menteri Besar Negeri Sembilan)
6. Y.B. Dato' Ashaari bin Shafei (Menteri Besar Perak)
7. Encik Mohammad Nordin bin Zakaria (Kementerian Kewangan, Kuala Lumpur)
8. Tuan Haji Hamdan Sheikh Tahir (Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur)
9. Y.M. Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Ta Chik (Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur)
10. Dato' Dr. Haji Abdul Jalil bin Hassan (Pejabat Agama Johor)
11. Profesor W. Falley (Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
12. Prof. Ali Shahbana (Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
13. Prof. Robert Ho (Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

¹⁷ Kalendar KIM, h. 40-41.

14. En. Mohd Taib bin Osman (Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur)
15. Y.B. S.O.K Ubaidullah (Kuala Lumpur)
16. Tuan Haji S.A.M Ali Maricar (Kuala Lumpur)
17. Ustaz Syeikh Abdul Halim bin Othman (Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama Kedah)
18. Pengetua Kolej Islam Malaya

Bagi melicinkan lagi perjalanan pentadbiran Kolej beberapa buah Jawatankuasa telah dibentuk. Ahli-ahli dalam jawatankuasa yang berkenaan akan menyempurnakan tanggungjawab dalam bahagian yang telah diamanahkan kepada mereka. Antara jawatankuasa berkenaan ialah Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Kemajuan, Lembaga Tender, dan Jawatankuasa Akademik¹⁸.

Ahli-ahli yang terlibat dalam jawatankuasa berkenaan seperti di bawah:

(a) Jawatankuasa Kewangan

1. Dato' Haji Hassan Yunus - Pengerusi
2. Dato' Syekh Ahmad bin Mohd Hashim Alhaj
3. Dato' Dr. Mohd Said bin Mohamad
4. YM Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Tachik
5. En. Ahmad Nordin bin Haji Zakaria
6. Prof. Robert Ho

¹⁸ Dalam Perlembagaan KIM yang lama, jawatankuasa ini dikenali sebagai Majlis Senat.

(b) Jawatankuasa Kecil

1. Dato' Dr. Mohamad Said bin Mohamad - Pengerusi
2. Dato' Syeikh Ahmad bin Mohamad Hashim Alhaj
3. En. Hamdan bin Syeikh Tahir
4. YM Raja Zainal Abidin bin Haji Tachik
5. Pengetua Kolej Islam Malaya

(c) Jawatankuasa Kemajuan

1. Dato Haji Hassan bin Haji Yunos - Pengerusi
2. YM. Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Tachik
3. En. Ahmad Nordin bin Haji Zakaria
4. Dato' Syeikh Ahmad bin Mohamad Hashim Alhaj
5. Pengetua Kolej Islam Malaya

(d) Lembaga Tender

1. Dato' Syeikh Ahmad bin Mohamad Hashim Alhaj
2. En. Ahmad Nordin bin Zakaria
3. YM. Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Tachik
4. Tuan Haji S.A.M Ali Maricar

(e) Jawatankuasa Akademik¹⁹

1. Dato' Dr. Abdul Jalil bin Hassan - Pengerusi
2. Ustaz Mohd Muhyiddin bin Musa
3. Ustaz Hj. Muhamad bin Haji Abu Bakar

¹⁹ Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menguruskan Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya.

4. Ustaz Hassan bin Salleh
5. Ustaz Ismail bin Haji Ali
6. Ustaz Haji Suhaimi bin Haji Sulaiman
7. Ustaz Ibrahim bin Yassin
8. Ustaz Ramli bin Ismail
9. Ustaz Abdul Kadir bin Haji Ismail
10. Ustaz Mohamad Yusof bin Abu Bakar
11. Ustaz Abdullah bin Haji Abd. Wahab
12. Master N. Francis
13. En. Mohamad Ansar bin Nawawi
14. En. Othman bin Mohd. Yusof
15. En. Jamaluddin bin Mahmud
16. Dr. S. A. Hassan
17. Dr. Abd. Majeed Mohamad Mackeen
18. Dr. S.M. Jufri
19. Master Ismail Nawab
20. Master Y. H. Supadi

3.2: Prasarana

Setelah mendapat istana yang diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah²⁰ Majlis Kolej Islam Malaya telah bermesyuarat

²⁰ Almarhum Sultan Hisamuddin pernah menuntut di Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Keluar MCKK pada tahun 1938, (keluaran pertama). Lihat, Khasnor Johan, Educating The Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941, (Pustaka Antara, K.Lumpur, 1996) h.197. Lihat juga, Tuanku dan Pendidikan Negeri Selangor, Terbitan Khas Perayaan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj 1985, (Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, tahun ?) h. 12.

dan bersetuju untuk membaik pulih istana yang ada, kerana terdapat bilik-bilik yang sesuai untuk dijadikan kelas.²¹ Proses membaik pulih istana berkenaan giat dijalankan sehingga hari pendaftaran pelajar perintis. Ustaz Ishak Abas menyatakan bahawa semasa pelajar dari Pantai Timur tiba, istana berkenaan sarat dengan sampah sarap.²² Istana berkenaan terletak di atas tanah yang mempunyai keluasan 3 ekar sahaja.²³ Bertempat di istana inilah dijadikan pusat pentadbiran Kolej, tempat tinggal pelajar dan juga kelas-kelas. Keadaan ini menimbulkan masalah kepada semua pihak, khususnya para pelajar. Mengikut Encik Zainal Abidin, dewan besar merupakan tempat yang digunakan untuk pelbagai perkara. Pada malam hari, merupakan tempat tinggal pelajar. Apabila ada perhimpunan, atau aktiviti yang memerlukan kegunaan dewan besar, para pelajar bersama-sama dengan pekerja akan mengemaskan dewan tersebut. Katil-katil disusun dan disimpan untuk sementara waktu.²⁴ Pada musim hujan, bangunan istana lama ini mengalami kebocoran. Kesukaran sebegini amat dirasakan oleh para pelajar perintis ke KIM.

Pihak MKIM telah mengetahui masalah bangunan asal KIM tidak dapat menampung pertambahan bilangan setiap tahun. Perkara ini cuba diselesaikan oleh MKIM. Pada tahun 1955, sebanyak \$50,000.00 telah

²¹ Ishak Abas, *op cit*, h.?? Lihat juga Laporan Kewangan KIM 1955 dlm., Fail SUK Selangor 552/1953 (40).

²² Ishak Abas, *ibid.*, h.86.

²³ No. Lot 4458, Mukim Klang, No. Geran 7049, Vol. Lxxix, Folio 74 Tanah ini telah diwakafkan oleh Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah kepada KIM melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Selangor. Penukaran nama pindah milik telah dibuat dengan rasminya pada 12 April 1956, jam 12.55 tengah hari di Kuala Lumpur. Di hadapan Pendaftar Geran-Geran Tanah Negeri Selangor. (Pengkaji telah memperoleh salinan geran tanah berkenaan daripada Pengetua Kolej Islam Sultan Alam Shah, Tuan Haji Samingan bin Haji Noor); Sufyana, *op.cit.*, h.95.

²⁴ Seperti yang diceritakan oleh En. Zainal Abidin semasa diwawancara oleh pengkaji pada September 1999. Maklumat ini dinyatakan juga oleh Tuan Haji Ramli Hussin dan Haji Abdul Rahman Dollah.

dikeluarkan oleh MKIM untuk membaik pulih bangunan yang ada. Bangunan tersebut telah dibahagi-bahagikan untuk tujuan 5 buah bilik darjah, sebuah perpustakaan, sebuah dewan, dewan makan, bilik rehat, dan dapur.²⁵ Pihak MKIM telah merangka untuk membina dua bangunan asrama yang dapat menempatkan 150 orang pelajar, beserta dengan 10 buah bilik darjah dan sebuah perpustakaan. Anggaran kos pembinaan ialah lebih kurang \$200.000.²⁶ Pihak pentadbir KIM telah berusaha seberapa yang boleh untuk menyelesaikan masalah yang timbul, lebih-lebih lagi bagi menjaga imej KIM yang menjadi institusi pengajian tinggi Islam di Tanah Melayu pada masa itu.

Masalah bangunan yang tidak mampu menampung bilangan pelajar yang kian bertambah turut dibincangkan oleh Jawatankuasa Akademik KIM pada 10 Ogos 1959.²⁷

Now nearly every inch has unavoidably been used either for purpose of providing space for dormitory or classroom, and the students common room has been transferred to the entrance infront of the library and the office. The College has no Hall, no special room for teachers and no space for indoor games.

Jawatankuasa Akademik yang dipengerusikan oleh Pengetua KIM, Dr. Muhammad Abdul Rauf, telah membuat ketetapan agar MKIM mengambil tindakan dengan kadar segera bagi menjaga keselesaan para pelajar dan juga kebajikan para pensyarah di KIM. Laporan mengenai

²⁵ Laporan Kewangan KIM 1955, op.cit. h.2.

²⁶ Ibid.

²⁷ Academic Committee Meeting, Muslim College Malaya, Ref.(18) in CIM 42/58, Agenda 16: the Problem of Transferring the Muslim College to Petaling Jaya, h.5, Sumber SP 19: Prof. Zulkifli Muhammad, Fail 19/7; Kolej Islam.

masalah tersebut telah disampaikan kepada MKIM sebelum ini, tetapi tidak ada tindakan proaktif yang dibuat.²⁸

Pada tahun 1960 KIM mula menerima pelajar-pelajar wanita. Pihak KIM tidak menyediakan asrama bagi wanita berkenaan. Oleh yang demikian pelajar-pelajar wanita terpaksa menumpang di rumah-rumah penduduk Kampung Jawa.²⁹ Menurut Puan Hajjah Che Su bt Chik,³⁰ salah seorang penduduk Kampung Jawa, yang telah menyewakan rumahnya kepada para pelajar wanita KIM:

Mak Aji dan suami rasa bertanggungjawab untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh Kolej Malaya, khususnya dalam hal penempatan pelajar wanita. Bagi pelajar wanita yang menyewa di rumah Mak Aji, Mak Aji menganggap para pelajar Kolej Islam Malaya seperti anak sendiri. Sekiranya mereka mempunyai masalah, Mak Aji tidak keberatan menolongnya. Pelajar-pelajar wanita Kolej Islam Malaya kebanyakannya telah matang dan mereka tidak membawa sebarang masalah kepada Mak Aji.³¹

Memandangkan pertambahan pelajar wanita semakin meningkat setiap tahun, Hajjah Che Su bt Chik telah bersetuju dengan cadangan pihak KIM agar beliau membina sebuah asrama untuk pelajar-pelajar berkenaan. Pada masa itu suami Hajjah Che Su yang masih hidup, telah menguruskan pembinaan sebuah rumah, separuh batu (bahagian bawah) dan separuh kayu (bahagian atas). Bangunan tersebut telah dibina berhampiran dengan

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Penyata Tahunan Kolej Islam Malaya Tahun 1961, h.7. dlm., SUK Selangor 552/1953 (ANM).

³⁰ Pengkaji telah menemu bual Hajjah Che Su bt Chik pada 3 Sept. 1999. Hjh Che Su merupakan salah seorang hartawan yang menjadi jiran KIM. Suami beliau telah meninggal dunia dan kini beliau menguruskan perniagaan bersama-sama dengan anak-anaknya.

³¹ Wawancara pada 3 Sept. 1999.

kampus KIM, iaitu di Jalan Kechubung, Kampung Jawa. Sewaan yang dikenakan kepada pihak Kolej ialah sebanyak \$250.00 sebulan.³²

Mengikut Tuan Haji Ramli bin Hussin, kampus KIM pada awalnya tidak mempunyai pagar.³³ Keadaan ini telah mendatangkan masalah kepada pentadbir KIM sendiri. Orang-orang luar bebas keluar masuk dan bermain di kawasan kampus KIM.³⁴ Keselamatan para pelajar juga tidak terjamin. Masalah ini sememangnya telah berada dalam pengetahuan MKIM, tetapi tindakannya sahaja yang tidak dapat dilaksanakan lantaran masalah kewangan. Pihak KIM terpaksa menggunakan kewangan yang ada bagi menyelesaikan keperluan yang mendesak.

Perancangan strategik untuk mencari satu kawasan baru yang lebih luas bagi mendirikan bangunan baru KIM yang lengkap dengan kemudahan telah dilaksanakan dengan penuh kegigihan oleh MKIM. Bagi MKIM tapak KIM yang ada pada masa itu adalah untuk sementara waktu sahaja kerana kawasan yang agak terhad untuk membina bangunan tambahan,³⁵ lebih-lebih lagi kawasan KIM dikelilingi oleh tanah-tanah orang Kampung Jawa yang padat dengan penduduknya. Ada juga penduduk Kampung Jawa yang mendirikan rumah mereka di atas tanah

³² *Ibid.* Bangunan tersebut masih wujud dan pernah dijadikan rumah sewa untuk tenaga pengajar Kolej Islam Klang, setelah dipecahkan kepada 4 pintu. Kini rumah tersebut telah dijadikan tempat penginapan pekerja-pekerja Indonesia. Mengikut Hajjah Che Su bangunan yang ada akan dirobohkan bagi mendirikan rumah-rumah sewa yang baru. (Sila lihat gambar yang dilampirkan).

³³ Hal ini dinyatakan juga oleh Tengku Abd. Samad Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Sulaiman Alaeddin; Encik Hamid Mat Yit, Hajjah Che Su, Encik Zainal Abidin yang telah diwawancara oleh pengkaji. Terdapat juga dalam Minit Mesyuarat SUK Selangor pada 16 September 1960, (SUK Sel. 552/1953 (4A) ANM).

³⁴ Wawancara dengan Encik Zainal Abidin, *op.cit.*

³⁵ Sufyana, *op.cit.*, h.96.

yang diwakafkan kepada KIM.³⁶ Masalah ini juga agak sukar diselesaikan, kecuali dengan tindakan undang-undang.

Perhubungan KIM dengan Universiti Malaya telah menjadikan beban serta tanggungjawab KIM bertambah berat. Tanggungjawab yang besar ini mungkin tidak dapat ditunaikan dengan sebaik-baiknya sekiranya lokasi serta bangunan Kolej Islam berada jauh daripada Universiti Malaya. Atas inisiatif MKIM membuat rayuan kepada kerajaan negeri Selangor maka Lembaga Petaling Jaya telah meluluskan kawasan seluas 30 ekar kepada KIM³⁷ bagi tujuan pembesaran dan pengembangan KIM. Kawasan yang diluluskan kepada KIM begitu strategik dan hampir dengan Universiti Malaya di Lembah Pantai Kuala Lumpur.³⁸ Walaupun KIM telah memiliki tanah yang agak luas, masalah untuk membangunkan bangunan di atas tanah tersebut masih menjadi kekangan, kerana masalah kewangan.

Bagi menangani masalah kewangan ini, Pengerusi MKIM tahun 1959 Yang Berhormat Dato' Haji Hassan bin Haji Yunos³⁹ telah membuat rayuan kepada golongan hartawan untuk mendapatkan sumbangan dan derma. Kesan daripada rayuan itu, Dato' Dr. Lee Kun Chuan⁴⁰ dan Shaw Brothers masing-masing memberikan derma sebanyak \$50,000 setiap orang.⁴¹ Seterus pada 15 Oktober 1960, Yang Berhormat Menteri

³⁶ Wawancara dengan En. Hamid Mat Yit; Haji Ramli bin Hussin, *op.cit.*

³⁷ Kalendar Kolej Islam Malaya, 1965/66, h.21. Lihat juga Wawancara dengan Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan yang telah dibuat oleh Sufyana, h.97.

³⁸ Laporan Kedudukan Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya dan Klang di Bawah Education Act, 1961. h.3. Bahan diperoleh daripada SP.69/A/76: Prof. Dato' Dr. Ungku Omar bin Ungku Ahmad, (ANM).

³⁹ Pada masa itu beliau menjawat jawatan Menteri Besar Johor.

⁴⁰ Pemilik Lee Rubber Company, lihat Laporan "Contribution with specific purposes other than maintenance and Endowment Fund 1957", dalam Jawatankuasa Akademik KIM Tahun 1958.

⁴¹ Muslim College Malaya: Calendar 1961, h.10.

Pelajaran, Encik Abdul Rahman Talib dalam ucapannya semasa Majlis Penyampaian Ijazah Kolej Islam Malaya, menegaskan:

Kerajaan akan memberi pertimbangan yang adil terhadap tuntutan Kolej untuk mendapatkan pemberian (grant) yang besar bagi mendirikan bangunan Kolej yang baru itu.⁴²

Selepas pengisytiharan rasmi yang dibuat oleh Menteri Pelajaran, pihak MKIM telah membuat perancangan strategik agar usaha untuk membina bangunan baru menjadi kenyataan. Tindakan MKIM yang pertama ialah menubuhkan jawatankuasa bagi perkembangan Kolej. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyiapkan pelan bangunan baru, anggaran belanjawan serta permohonan rasmi daripada KIM kepada pihak kerajaan.⁴³ Usaha MKIM telah mencapai objektifnya apabila pihak KIM telah menerima surat rasmi daripada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada Julai 1964, menjelaskan bahawa Kerajaan Pusat telah bersetuju memberi bantuan untuk bangunan baru KIM sebanyak 2.5 juta ringgit. Dato' Dr. Haji Abdul Jalil Hassan selaku Pengetua KIM pada masa itu telah mengulas bantuan Kerajaan Pusat kepada KIM dalam ucapannya semasa Majlis Penyampaian Sijil Diploma KIM tahun 1964:

Kerajaan Pusat kita telah bersetuju memberi bantuan sebanyak dua juta setengah untuk mendirikan bangunan baru Kolej di kawasan Petaling Jaya. Kalau siap projek tersebut sudah tentu satu lagi lambang kemajuan dan syiar Islam di ibu kota yang akan menjadi kemegahan kepada

⁴² Utusan Zaman, 16 Oktober 1960, h.2 (Mikrofilem Box No. 3460, M 187/83, ANM)

⁴³ Muslim College Malaya : Calendar 1961, h. 21. Lihat juga Ucapan Pengetua Kolej Islam Malaya pada tahun 1965, di Majlis Perletakan Batu Asas Bangunan Baru Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahmah Putra.

negara kita ini. Kemajuan seperti ini merupakan tekad pemerintah kita yang benar-benar mengambil berat tentang kemajuan ugama dan kebudayaan Islam pada amnya.⁴⁴

Mengikut Laporan Kolej Islam Malaya tahun 1961, pelan pembangunan KIM yang baru telah diluluskan seperti berikut:

The plan which has been approved consists of the main building of the College, three hostels, an assembly hall and a mosque. The main building will contain, besides office accommodation, two lecture theatres, eight lectures rooms, two science laboratories, one history room, one geography room, a senior common room a large space for library, a meeting room, and all other accessories. The three hostels include one for girls; and the accommodation will be of three categories:- large open dormitories for boy students in the Preparatory classes, small open dormitories for students in main course and dormitories of separate rooms for students in Diploma Course. There will be common rooms and all conveniences and accessories. The Assembly Hall will be fitted with projecting facilities and is desingned to accommodate seven hundred persons. It is intended to make the small mosque of the College a land-mark and a master piece of Islamic architecture.⁴⁵

Dalam pelan berkenaan, tidak diperuntukkan rumah Pengetua KIM. Ini akan menimbulkan masalah yang besar kepada Kolej pada masa akan datang. Berkemungkinan KIM terpaksa menyewa rumah yang ada di sekitar kampus KIM untuk menempatkan Pengetua KIM.

Upacara meletakkan batu asas bangunan KIM di Petaling Jaya telah dibuat oleh Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri

⁴⁴ Ucapan Dato' Dr. Abdul Jalil Hassan Pengetua KIM semasa Majlis Penyampaian Sijil Diploma KIM tahun 1964. Bahan diperolehi dalam SP 239 :Tan Sri Dr. Abdul Jalil Hassan, No. Fail 1998/0024544 ANM.

⁴⁵ Muslim College Malaya, h. 21.

Malaysia. Bangunan baru KIM dijangka siap dan dapat digunakan pada awal tahun 1966.⁴⁶

Sementara menunggu bangunan baru, MKIM telah berusaha untuk membina bangunan tambahan berbentuk dewan di belakang bangunan istana untuk menempatkan para pelajar yang datang dari jauh.⁴⁷ Penyata Tahunan Kolej Islam Malaya Tahun 1961 menjelaskan:

Disebabkan Kolej ini dari setahun ke setahun bertambah penuntutnya dan bertambah-tambah kemajuannya maka bangunan yang tersergam dengan begini besar telah mula menjadi kesempitan di segenap seginya dan mulai tahun ini semua tempat yang ada terluang sahaja sudah pun diisi dijadikan tempat asrama dan tempat belajar. Dewan yang besar itu dijadikan berpetak-petak untuk kelas dan asrama, maka jika hendak digunakan kerana majlis-majlis mustahak, terpaksa penuntut-penuntut itu dipindahkan ke bilik-bilik darjah yang lain, dan beginilah terus menerus hingga sekarang.⁴⁸

Sesebuah institusi pendidikan tidak akan sempurna sifatnya sekiranya tidak mempunyai perpustakaan. Sehubungan dengan ini, KIM walaupun dalam keadaan kekurangan tempat telah berjaya mengadakan perpustakaan yang dikenali pada peringkat awalnya sebagai "Bilik Bacaan" bagi kegunaan para pelajar dan pensyarah. Sejak awal tahun 1955 lagi.⁴⁹ KIM bernasib baik kerana DYMM Sultan Brunei Darussalam bermurah hati menyumbang derma sebanyak \$50,000.00 bagi mengadakan bilik bacaan tersebut. Bagi menghargai dan mengenang jasa

⁴⁶ Bangunan baru KIM telah siap dibina pada April 1966. Bahagian Tinggi KIM dan Pejabat KIM telah dipindahkan ke Petaling Jaya pada 20 April 1966. Lihat Laporan Kolej Islam Malaya Tahun 1966, h.7. (SP 69: Prof. Dato' Dr. Ungku Omar Ungku Ahmad, ANM) KIM di Petaling Jaya mempunyai kelengkapan yang lengkap menandingi pusat-pusat pengajian tinggi Islam di Tenggara Asia.

⁴⁷ Sufyana, h. 99, Temu bual dengan Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan dan Prof. Madya Hj. Ibrahim Yassin.

⁴⁸ Penyata Tahunan Kolej Islam Malaya bagi Tahun 1961, h.6. Bahan dari SUK Selangor 552/1953. (ANM).

baik baginda itu pihak KIM telah menamakan bilik bacaan tersebut "Bilik Bacaan Brunei"⁵⁰

Pada peringkat permulaan bilik bacaan tersebut dibuka, hanya terdapat sejumlah kecil buku-buku Arab yang kebanyakannya mengenai ilmu fikah, hadith, dan tauhid. Buku-buku bilik bacaan semakin bertambah dengan adanya sumbangan serta hadiah daripada kerajaan dan juga pertubuhan-pertubuhan. Antara penyumbang utama bilik bacaan KIM ialah kerajaan Brunei, Kongres Islam Kaherah, Kerajaan Tunisia, Kerajaan Iraq, Kerajaan Republik Arab Bersatu, Kerajaan Pakistan, Majlis British (*British Council*), Asia Foundation, dan Jabatan Penerangan Amerika Syarikat. Pihak KIM juga telah menerima sumbangan buku-buku yang bernilai daripada waris-waris Almarhum Dato' Abdul Rahman bin Abdullah dari Johor. Buku-buku tersebut diletakkan di bawah Koleksi Dato' Abdul Rahman . Selain itu, pihak Kolej juga telah menerima sumbangan buku-buku kepunyaan Almarhum Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Buku-buku ini berjumlah 772 buah dengan almarinya sekali telah disampaikan oleh Encik Hamdan Sheikh Tahir yang mewakili keluarga kepada Pengerusi Majlis Kolej Islam Malaya pada 15 Oktober 1960. Buku-buku ini telah diletakkan di bawah Koleksi Sheikh Tahir Jalaluddin.⁵¹

Bilik bacaan KIM yang mempunyai keluasan 1,300 kaki persegi telah menjadi sempit dengan pertambahan buku-buku, almari, dan juga para pelajar. Keadaan ini semakin ketara apabila Kolej Islam menerima

⁴⁹ Kolej Islam Malaya, Kalendar 1965/66, h. 61-65.

⁵⁰ Muslim College Malaya, Calendar 1961, h.43.

⁵¹ Muslim College Malaya, Calendar 1963-1964, Caxton Stationers Ltd, Klang, Selangor, tahun ?, h. 69.

pelajar-pelajar wanita pada tahun 1960.⁵² Atas nasihat Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu yang bersidang pada 5 Januari 1959, kedudukan pelajar wanita di dalam perpustakaan diaturkan seperti berikut:

Dalam masa membaca kitab-kitab atau buku-buku di dalam khutub khanah maka bolehlah dikhaskan satu atau dua meja di dalamnya khas bagi penuntut-penuntut perempuan dan tidak dibenarkan penuntut lelaki menggunakannya. Keadaan dalam khutub khanah adalah sama dengan dalam bilik darjah kerana di situ tiada dibenarkan mereka bercakap-cakap dan sebagainya. Maka bolehlah jua diadakan perdinginan (screen) untuk mengasingkan meja yang dikhaskan untuk penuntut-penuntut perempuan itu.⁵³

Kolej Islam Malaya juga telah menyediakan kemudahan makmal sains pada tahun 1957, apabila subjek sains mula diajarkan di KIM. Pengajaran subjek sains di Kolej ini dijalankan di bawah arahan dan kerjasama Tuan W. Gibson yang menjadi Pengawal Ilmu Sains Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu. Bagi memajukan lagi subjek sains dan makmal tersebut, Kementerian Pelajaran telah meminjamkan Encik Kamaruddin Marican kepada Kolej untuk mengajar subjek sains. Dalam masa dua tahun sahaja makmal sains Kolej Islam Malaya telah mempunyai peralatan yang mencukupi bagi menyempurnakan pengajaran ilmu sains. Pihak Asia Foundation juga telah menyumbangkan peralatan makmal yang bernilai ribuan ringgit kepada Kolej Islam Malaya. Peralatan makmal tersebut telah disampaikan oleh bekas wakil Asia Foundation di Kuala Lumpur, Mr. Carrol.⁵⁴ Walaupun peralatan makmal telah mencukupi untuk menjalankan amali sains, tetapi belum dapat menandingi

⁵² Ibid.

⁵³ Penyata Yang Disembahkan Bagi Timbangan Dalam Majlis Mesyuarat Raja-Raja, Bil. (C) 77/CR/Jil./2, Kertas Mesyuarat Bilangan No. 7/51/60, dlm., SUK Selangor 552/53 (ANM), h. 3.

makmal-makmal sains di sekolah-sekolah yang lebih besar di Tanah Melayu.⁵⁵

Pihak KIM di Klang bernasib baik kerana tidak perlu menyediakan masjid atau musala kerana Masjid Jamek Sultan Sulaiman⁵⁶ berhampiran dengan Kolej Islam Malaya. Para pelajar lelaki telah memanfaatkan masjid tersebut untuk solat dan aktiviti yang berkaitan dengan agama Islam. Ada kalanya para pelajar KIM menggunakan air masjid untuk mandi dan membasuh kain baju ketika ketiadaan air di asrama.⁵⁷ Lantaran ada sebahagian kecil pelajar yang menggunakan kemudahan air di masjid tidak menjaga kebersihan dan peralatan masjid, telah menyebabkan ahli jawatankuasa masjid telah membuat teguran membina bagi mengatasi masalah agar tidak berulang lagi. Pihak berkuasa masjid juga telah memberi peluang seluas-luasnya kepada para pensyarah KIM menyampaikan ilmu agama di masjid tersebut. Kadang kala para pensyarah KIM diberi peluang untuk berkhutbah pada hari Jumaat.⁵⁸

⁵⁴ Calendar 1961, h. 46.

⁵⁵ Penyata Tahunan Kemajuan Kolej Islam Malaya Tahun 1959, h. 10. *Dlm.*, SUK Selangor SUK Selangor 552/53 (ANM).

⁵⁶ Masjid ini unik binaannya kerana pelan bangunan tersebut dihasilkan oleh arkitek Inggeris yang bernama L.Kesteven. Pembinaan masjid ini mengambil masa selama tiga tahun mulai tahun 1929. Kos pembinaannya pula sebanyak \$300,000.00. Lihat rencana Berita Harian 14 November 1958, h.4.

Usaha pembinaan masjid ini dibawah pemantauan Pegawai Jajahan Klang tahun 1932 iaitu L.A Allen. Perasmian masjid Diraja ini telah disempurnakan oleh Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, 11 September 1932, (catatan ini boleh didapati pada batu peringatan di masjid tersebut). Di sebelah dalam masjid tersebut jelas kelihatan unsur-unsur salib di setiap penjuru bangunan. Di bahagian luarnya pula sekali pandang kelihatan seakan-akan gereja lebih-lebih lagi di puncak bumbung masjid tersebut terdapat tanda arah angin seakan-akan salib. Tanda arah angin ini telah diganti dengan bulan sabit sekitar tahun 1984 apabila mendapat bantahan daripada masyarakat Islam di Klang. Pengkaji sendiri pernah membaca bantahan masyarakat yang disiarkan dalam akhbar Watan sekitar tahun 1980-an.

Bersebelahan dengan masjid tersebut terdapat Makam Diraja. Di makam ini Almarhum Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah disemadikan.

⁵⁷ Wawancara dengan Tengku Abd. Samad Shah ibni Almarhum Sultan Sulaiman Ala'eddin Shah, op.cit.

3.3: Staf Kolej Islam Malaya

Bilangan staf akademik (pensyarah) pada awal pembukaan Kolej Islam Malaya ialah empat orang termasuk Pengetua, Tuan Haji Ismail Umar Abdul Aziz⁵⁹ yang dipinjamkan oleh Jabatan Agama Islam Johor kepada Kolej Islam Malaya selama satu tahun. Beliau mula bertugas di KIM pada 16 Februari 1955 sehingga 15 Februari 1956.⁶⁰ Selepas itu beliau kembali semula ke jawatan asalnya sebagai kadi di Jabatan Agama Islam Johor. Selepas itu jawatan Pengetua KIM telah dipegang oleh Prof. Dr. Muhammad Abdul Rauf seorang profesor yang dipinjamkan oleh Universiti Al-Azhar Mesir. Antara pensyarah KIM dalam tahun 1955-1958 ialah:⁶¹

- i. Prof. Dr. Muhammad Abdul Rauf -Al-Alimiyah, Al-Azhar, B.A. dan M.A (Cantab), Ph.D (London), Merangkap Pengetua
- ii. Ustaz Zulkifli Muhammad⁶²- Universiti Al-Azhar

⁵⁸ Wawancara dengan Tuan Haji Ramli Hussin pada hari Khamis 4 Disember 1997.

⁵⁹ Pada tahun 1962 beliau telah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. Lihat, Haji Awang Abd. Aziz bin Awang Juned, *Islam di Brunei*, Jld. I (Jabatan Pusat Sejarah & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, 1992) h.122.

⁶⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan KIM Pertama dalam Penyata Tahunan Kolej Islam Malaya 1966, h. 5- 6, dalam SP 69/A/52 (ANM)

⁶¹ "Muslim College Malaya: Origin and Development 1955 – 1958", h.7.

⁶² Beliau berkhidmat sebagai pensyarah KIM sehingga tahun 1959. Pada 15 Julai 1957 beliau mendapat anugerah Profesor Kehormat daripada Universiti Sawerigading, Jakarta. lihat, *Panduan Koleksi surat-Surat Persendirian*, (Arkib Negara Malaysia jan. 1988) h. 198-199; Lihat juga, Md. Akhir Yaacob, Alwi Abd. Rahman, Zulkifli Muhammad, dlm., Ismail Mat (Penytg), *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Penerbit UKM, 1993, h. 129-148, menyatakan Prof. Zulkifli telah meletakkan jawatan sebagai pensyarah KIM untuk bertanding dalam pilihanraya 1959, atas tiket PAS bagi Parlimen Bachok, Kelantan. Beliau telah menang dalam pilihanraya tersebut. Beliau menjadi Ahli Parlimen yang disegani dan pernah berucap 4 jam tanpa henti di Parlimen. Beliau telah meninggal dunia dalam usia yang muda, semasa berumur 37 tahun kerana kemalangan jalan raya. Ada yang berpendapat kemalangan tersebut dirancang oleh pihak-pihak tertentu.

- iii. Ustaz Hassan Salleh - Al-Alimiyah, Dip. Dip. Perkhadian Syariah, Al-Azhar
- iv. Ustaz Muhammad Mohyiddin Musa -Al-Alimiyah, Dip. Pendidikan, Al-Azhar
- v. Ustaz Muhammad Abu Bakar⁶³ - Al-Alimiyah, Dip. Perkhadian Syariah, Al-Azhar
- vi. Ustaz Muhammad T. Kandil⁶⁴ - B.A , Dip. Oriental Language Al-Azhar
- vii. Encik Kamaruddin Marican - Guru Sains
- viii. Encik Shishir Kumar Das - Guru Bahasa Inggeris

Guru Sains dan bahasa Inggeris merupakan guru yang dipinjamkan oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu kepada Kolej Islam Malaya. Keenam-enam pensyarah (1 -6) di atas berkelulusan dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Pada tahun 1959 tiga orang lagi pensyarah tiba ke KIM untuk berkhidmat. Mereka yang berkenaan ialah:

Ustaz Ismail bin Hj Ali - - Al-Alimiyah, al-Azhar

Ustaz Ibrahim Yassin -- Al-Alimiyah, al-Azhar dan Dip. Pendidikan Al-Azhar

Ustaz Suhaimi bin Hj. Sulaiman - - Al-Alimiyah, Al-Azhar

⁶³ Beliau kini dalam keuzuran. Pengkaji telah bertandang ke rumahnya di Petaling Jaya untuk mendapatkan maklumat tentang KIM, tetapi tidak berhasil.

⁶⁴ Berkhidmat di KIM sehingga 9 Julai 1962. Masih sihat, kini berada di Taman Malawati, Kuala Lumpur.

Selain daripada pensyarah-pensyarah tetap terdapat juga pensyarah sambilan (*part time*) yang dipinjam dari High School Klang, iaitu Encik J.S Henry yang mengajar ilmu pendidikan dan latihan mengajar.⁶⁵

Para pensyarah KIM yang baru pada tahun-tahun antara tahun-tahun 1960 hingga 1965 termasuklah:⁶⁶

- i. Mr. N. Francis - - Pensyarah bahasa Inggeris⁶⁷
- ii. Encik Mohd Anshar bin Nawi -- (Institut Bahasa dan SITC)
- iii. Ustaz Ramli bin Ismail⁶⁸ -- (Al-Alimiyah, Dip. Pen. Al-Azhar)
- iv. Ustaz Abdul Wahab bin Ali -- (Al-Alimiyah, Dip. Pen. Al-Azhar)
- v. Encik Jamaluddin bin Mahmud -- (M.T.C.Pulau Pinang)
- vi. Encik Othman bin Yusof -- (Brinsford Lodge Trained Teacher)
- vii. Ustaz Abdul Kadir bin Haji Ismail -- Al-Alimiyah dan Dip. Pendidikan Al-Azhar
- viii. Ustaz Muhamad Yusof bin Abu Bakar -- B.A (Hons), Universiti Kaherah

Kolej Islam Malaya yang semakin berkembang dan maju dalam tahun-tahun akhir 1950-an telah memperoleh imej baru apabila tertubuhnya Universiti Malaya di cawangan Kuala

⁶⁵ Penyata tahunan Bagi Kemajuan Kolej Islam Malaya Tahun 1959, h. 11

⁶⁶ "Muslim College Malaya : Origin and Developments", h.7; Calendar 1961, h.25. Calendar 1963-1964, h.44; Kalendar 1965/66 (Jawi), h.41-42.

⁶⁷ Beliau merupakan bekas Guru Besar Sekolah Inggeris Simpang, Lima Klang.

⁶⁸ Mulai berkhidmat di KIM pada 29 Ogos 1961. Lihat Laporan Kolej Islam Malaya Tahun 1961, h.2, dlm. SUK Selangor 552/53 Bil.33A (ANM).

Lumpur. Setelah beberapa kali siri mesyuarat akhirnya keputusan berikut telah dibuat:

Bahawa satu Jabatan Pengajian Islam dimulakan oleh Kolej Islam di Fakulti Sastera Universiti Malaya melalui hubungan rasmi antara Kolej Islam Malaya dengan Universiti Malaya. Oleh kerana jabatan yang dicadangkan itu dari segi akademiknya di bawah Senat Universiti Malaya, maka pentadbiran dan kewangannya adalah di bawah Majlis Kolej. Bahawa Pengetua Kolej Islam adalah sebagai Ketua jabatan Pengajian Islam - bahawa kerajaan Persekutuan hendaklah menyediakan peruntukan kewangan sepenuhnya kepada Jabatan.⁶⁹

Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya ditubuhkan dengan rasminya pada bulan Mei 1959 telah meletakkan tanggungjawab besar ke atas KIM.⁷⁰ Para pensyarah Jabatan Pengajian Islam adalah tanggungjawab KIM dari segi pengambilan dan bayaran gaji. Antara pensyarah yang terlibat antara tahun 1959 sehingga 1965 ialah:⁷¹

- i. Prof. Muhammad Abdul Rauf -- Ketua Jabatan - teks Arab dan Sejarah Islam
- ii. Dr. Shah Abdul Hassan -- M.A. (Madras), Ph.D. (Cantab), Sejarah Islam
- iii. Encik Ismail Nawab⁷² -- M.A. (Edin.) (Dip. Ed.)- Bahasa Arab

⁶⁹ Engku Ibrahim Ismail, "Kolej Islam Malaya: Satu Usaha Menghidup dan Membangunkannya Semula Dalam Konteks Penubuhan Universiti Islam Malaysia", (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Bekas Siswa Kolej Islam Malaya pada 10 Julai 1999 di wisma MGU Kota Bharu Kelantan) h. 15.

⁷⁰ Abdullah Ishak (Haji), Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, K.Lumpur: DBP., 1995, h.250.

⁷¹ Engku Ibrahim Ismail, op.cit., h. 19-20; Calendar 1961, h.25; Calendar 1963-1964, h.44; Laporan Kolej Islam Malaya tahun 1961, h. 8.

⁷² Mula menjadi pensyarah di JPI pada 12 Julai 1961. Lihat, Laporan Kolej Islam Malaya tahun 1961, h. 8.

- iv. Dr. Abdul .Majed Mohd. Mackeen -- B.A (Hons)
London, Ph.D. (London), Hukum Islam⁷³
- v. Dr. Syed Hussein al-Jafri -- Ph.D. (London).
- vi. Mr. Y. H. Safadi -- B.A (Hons).

Selain daripada pensyarah, staf dalam bahagian pentadbiran di Kolej Islam Malaya dan di JPI Universiti Malaya tahun-tahun 1959 - 1965 terdiri daripada:

- i. En. Mohd Zain bin Abdul Majeed - Pendaftar
- ii. Encik Yusuf bin Embi - Setiausaha JPI
- iii. Mr. K.S Hariharan - Penolong Kewangan
- iv. Ashaari bin Haji Alang Ahmad - Pengawal Am
- v. Zainal Abidin bin Abu Kassim - Kerani Umum dan
Jurutaip bahasa Inggeris
- vi. En. Murad bin Haji Abdul Rahman - Jurutaip Arab
dan Melayu
- vii. En. Mokhtar bin Haji Hashim - Peon Pejabat.
- viii. En. Ahmad bin Mahpul - Peon Pejabat.
- ix. Pn. Norma bt Deen - Ibu Asrama.

Pekerja-pekerja yang mengawal keselamatan dan kebersihan Kolej pula adalah seperti berikut:

- i. Tukang Kebun - 2 orang
- ii. Pelayan bangunan - 1 orang
- iii. Jaga - 1 orang
- iv. Tukang sapu - 2 orang

⁷³ Mula bertugas d JPI pada 20 Ogos 1961.

Daripada enam orang pekerja di atas hanya dua orang sahaja yang bergaji bulanan iaitu pelayan bangunan dan jaga, dan bagi tukang kebun serta tukang sapu mereka diberi gaji hari.⁷⁴

Para pensyarah Kolej Islam Malaya telah banyak mencurahkan jasa kepada perkembangan serta kemajuan Islam di negara ini. Jasa mereka ini telah diberi pengiktirafan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sempena sambutan hari keputeraan baginda pada 5 Jun 1963. Pingat-pingat penghargaan dan pengiktirafan tersebut telah dianugerah kepada:⁷⁵

- i. Dr. Muhammad Abdul Rauf -- Pengetua KIM - Darjah Bintang Johan Mangku Negara⁷⁶
- ii. Ustaz Mohd. Mohyiddin bin Musa -- Pensyarah Kanan KIM - Darjah Bintang Ahli Mangku Negara.

Penganugerahan bintang-bintang ini menunjukkan bahawa peranan serta sumbangan para pensyarah KIM kepada masyarakat, agama dan negara telah dihargai oleh kerajaan. Anugerah yang amat bermakna ini akan menambahkan lagi motivasi dan komitmen staf KIM untuk berbakti tanpa batasan waktu kepada masyarakat yang sangat memerlukan bimbingan serta panduan tentang agama Islam.

⁷⁴ Penyata Tahunan Bagi Kemajuan Kolej Tahun 1959, h.13. Pada 6 April 1967, Encik Borhan bin Abd. Karim mula bertugas pada 1 Jun 1961, (Tukang Kebun) dan Encik Badaruddin bin Md. Zaid, mula bertugas pada 11 Julai 1959, (Buruh) telah menghantar surat kepada Pengerusi MKIM memohon agar pihak Kolej dapat mengubah gaji hari mereka kepada gaji bulanan. Lihat Penyata Tahunan KIM Tahunan 1966, agenda Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan KIM Pertama 1966, h. 5-6. (Dlm SP69/A/52, ANM)

⁷⁵ Kalendar 1965, h. 42-43.

⁷⁶ Gambar-gambar beliau menerima bintang berkenaan pada 23 Julai 1963 boleh didapati di Arkib Negara Malaysia, No. Siri 3270 - N 758/87.

3.4: Pelajar Kolej Islam Malaya

Pelajar-pelajar yang berjaya memasuki Kolej Islam Malaya melalui satu peperiksaan kelayakan dan memenuhi syarat-syarat tertentu ialah:⁷⁷

- i. Calon-calon untuk Kursus Persediaan berumur tidak kurang daripada 16 tahun dan tidak melebihi 22 tahun semasa mendaftar. Calon-calon untuk kursus utama (Peringkat Kolej) tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 25 tahun.
- ii. Calon-calon juga dimestikan mempunyai sijil yang menunjukkan bahawa dia telah belajar bahasa Arab sekurang-kurangnya 6 tahun untuk Kursus Persediaan dan 8 tahun untuk Kursus Utama.
- iii. Calon-calon juga mesti lulus dalam peperiksaan kemasukan untuk Kursus Persediaan dan Kursus Utama jika pelajar-pelajar ingin mengambil kedua-dua kursus berkenaan.
- iv. Calon-calon yang ingin memasuki Kursus Utama haruslah memiliki Sijil Rendah Pelajaran (*Lower Certificate of Education*) atau yang setaraf dengannya, mempunyai kelulusan dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan Pengetahuan Agama Islam.⁷⁸

⁷⁷ Kalendar, *op.cit.*, h. 43; Engku Ibrahim, *op.cit.*, h.28-29.

⁷⁸ Syarat ini dibuat mulai tahun 1963, setelah Kolej Islam Malaya menerima bantuan tahunan daripada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

- v. Di samping itu, calon-calon dimestikan membawa sijil kelahiran, 2 keping gambar bersaiz pasport, sijil kesihatan, surat akuan bekas pengetua sekolah dan perakuan yang membuktikan pelajar yang berkenaan mempunyai sifat kepimpinan yang baik dan jaminan kewangan daripada pihak pelajar.

Kolej Islam Malaya telah berkembang dengan pesat dari setahun ke setahun. Pertambahan bilangan pelajar di Kolej ini agak memberangsangkan dari mula penubuhan sehingga tahun 1965. Pertambahan pelajar boleh ditelitikan melalui jadual di bawah:⁷⁹

Jadual 1 : Bilangan Pelajar Kolej Islam Malaya antara tahun
1955 - 1965.

Tahun	Bilangan Pelajar
1955	55 orang
1955 -1956	56 orang
1956-1957	95 orang
1957-1958	112 orang
1958-1959	124 orang
1959	108 orang
1960	124 orang
1961	176 orang
1962	226 orang
1963	244 orang
1964	315 orang
1965	362 orang

(Sumber, Kalendar Kolej Islam Malaya 1965/66, h.14)⁸⁰

Para pelajar yang masuk ke KIM datang dari sekolah-sekolah agama dan Arab seluruh tanah air, termasuk Singapura, Sarawak, Sabah,

⁷⁹ Kalendar 1965/66, *op.cit.*, h 14; .Sufyana, *op.cit.*, h. 78 - 79.

⁸⁰ *Op.cit.*

Brunei dan Thailand.⁸¹ Kolej Islam Malaya membuka peluang kepada semua bangsa yang beragama Islam di kawasan Asia Tenggara ini. Ini adalah bersesuaian dengan asas penubuhan KIM sebagai asas kepada penubuhan Universiti Islam.⁸² Kolej Islam Malaya juga memberi peluang kepada para pelajar yang bukan beragama Islam sekiranya mereka mempunyai kelayakan seperti yang dikehendaki. Laporan KIM pada tahun 1961 menjelaskan:

Candidates of other races and adherents of any religious denominations are admissible to the College if they satisfy its academic requirements.⁸³

Dari segi realitinya tiada seorang pun pelajar yang bukan beragama Islam masuk ke Kolej ini, dan secara kebetulan bilangan pelajar Melayu Islam yang paling ramai mengisi kekosongan di KIM. Sikap liberal KIM membuka peluang kepada semua bangsa tanpa mengira pegangan agama ini menunjukkan keuniversalan Islam itu sendiri. Islam diwahyukan melalui Nabi Muhammad s.a.w untuk memberi rahmat kepada seluruh penghuni alam ini.⁸⁴

Semasa zaman kegemilangan ilmu dan peradaban Islam, kerajaan Umayyah dan Abbasiyah telah menggalakkan masyarakat bukan Islam menuntut ilmu di institusi pendidikan Islam pada masa itu. Orang-orang Barat yang beragama Kristian telah berguru kepada dunia Timur yang beragama Islam dalam bidang-bidang seperti algebra, geometri.

⁸¹ M.A Rauf, Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya Dengan Semenanjung Malaysia, (Edisi Kedua), Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987, h.129; Tuanku dan Pendidikan Negeri Selangor, op.cit, h.19.

⁸² Ucapan Pengetua Kolej Islam Malaya, Tan Sri Abdul Jalil Hassan sempena Majlis "Graduation" KIM 1964.

⁸³ Muslim College Malaya, Calendar 1961, h.8.

matematik, kedokteran, farmasi, biologi, kimia, astrologi, metafizik, akhlak, politik dan ilmu-ilmu lain.⁸⁴ Oleh yang demikian tindakan proaktif Kolej Islam Malaya membuka peluang belajar kepada orang bukan Islam tidak berlawanan dengan tradisi keilmuan Islam.

Di halaman 41 dan 42 ialah perincian pecahan pelajar mengikut negeri dan tahap pengajian dalam tahun 1959 serta jumlah pelajar mengikut negeri.

Berdasarkan Jadual 2 dan 3 di sebelah menunjukkan pelajar dari negeri Kelantan menduduki bilangan yang teramai pada tahun 1959 iaitu seramai 27 orang atau 25.23 %, tempat kedua diikuti oleh negeri Perak seramai 21 orang atau 19.6 %, tempat ketiga dipegang oleh negeri Pahang seramai 9 orang atau 8.4 %. Negeri Kedah dan Selangor masing-masing 8 orang atau 7.5 %, Terengganu 7 orang atau 6.5 %, Negeri Sembilan 4 orang atau 3.7 %, Perlis 3 orang atau 2.8 %, Brunei, Singapura dan Melaka masing-masing 2 orang atau 1.9 %, dan seterusnya Sarawak dan Pulau Pinang masing-masing 1 orang atau 0.9 %.

Bilangan pelajar dari negeri-negeri berkenaan adalah berbeza kerana perkara ini ada kaitan yang rapat dengan bilangan sekolah-sekolah agama di negeri tersebut, kemampuan pelajar, sikap ibu bapa, kewangan serta sokongan daripada institusi agama. Dari segi sikap ibu bapa, ada di kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka yang pintar ke sekolah-sekolah Inggeris, manakala anak-anak yang kurang pintar dan rendah daya inteleknya ke sekolah-sekolah agama. Kesannya, pelajar-

⁸⁴ Ayat al-Qur'an, bermaksud: "Dan tidak Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi ke seluruh alam" Surah:Al-Ambia: Ayat:107)

⁸⁵ Hassan Langgulung, Asas-Asas Pendidikan Islam, *op.cit*, h.111.

pelajar sekolah agama sering keciciran dan tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Jadual 2: Pecahan Pelajar Kolej Islam Malaya Mengikut Negeri dan Tahap Pengajian Dalam Tahun 1959.

Bil	Negeri	Darjah Persediaan		Peringkat Pertama Kolej			Peringkat Tertinggi Kolej	
		I	II	I	II	III	I	II
1	Kelantan	14	05	03	03	01	-	01
2	Perak	03	03	05	04	02	-	02
3	Pahang	02	02	02	01	01	01	-
4	Kedah	01	02	01	02	01	-	01
5	Johor	02	04	04	-	01	-	-
6	Selangor	03	01	01	02	-	-	01
7	Melaka	01	01	-	-	-	-	-
8	N. Sembilan	-	02	01	01	-	-	-
9	Terengganu	-	02	02	03	-	-	-
10	Brunei	-	01	-	01	-	-	-
11	Perlis	-	-	02	-	01	-	-
12	P. Pinang	-	-	01	-	-	-	-
13	Sarawak	-	-	-	-	-	-	01
14	Singapura	-	-	-	-	-	-	02
	Jumlah	26	23	22	18	07	03	06

(Sumber: Penyata Tahunan Bagi Kemajuan Kolej Tahun 1959, h.5-6)

Jadual 3: Jumlah Pelajar Mengikut Negeri Tahun 1959

Bil	Negeri	Jumlah Pelajar Keseluruhan
1	Kelantan	27 orang
2	Perak	21 orang
3	Johor	11 orang
4	Pahang	9 orang
5	Kedah	8 orang
6	Selangor	8 orang
7	Terengganu	7 orang
8	N. Sembilan	4 orang
9	Perlis	3 orang
10	Brunei	2 orang
11	Singapura	2 orang
12	Melaka	2 orang
13	Sarawak	1 orang
14	P.Pinang	1 orang
	Jumlah Besar	107 orang

(Sumber: Penyata Tahunan Bagi Kemajuan Kolej Tahun 1959)

3.4.1: Kolej Islam Malaya Menerima Pelajar Perempuan

Islam membenarkan golongan wanita belajar bagi persiapan hubungan dengan Allah dan hubungan dengan makhluk. Walau bagaimanapun, penghormatan yang tinggi terhadap golongan wanita telah dicemari oleh kesalahfahaman tentang Islam, dan juga dinodai oleh pemikiran barat yang bertujuan meracuni fikiran umat Islam.⁸⁷

Kedudukan golongan wanita dalam Islam adalah sama taraf dengan golongan lelaki daripada segi kemuliaan, kemanusiaan, dan kewibawaan. Menurut Datin Dr. Andek Masnah Andek Kelawa, pensyarah di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia tentang kedudukan wanita dalam hak memperoleh ilmu pengetahuan seperti berikut:

Perkara yang amat penting dan berharga dikurniakan Islam kepada wanita ialah hak menuntut ilmu pengetahuan. Hanya menerusi ilmu, wanita menjadi mantap, matang, berfikiran terbuka, kreatif, inovatif dan mampu bertindak secara positif. Kriteria yang seumpama itu juga dapat menampilkan dan memantapkan wanita sebagai seorang pemimpin.⁸⁷

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di Tanah Melayu, KIM tidak pernah membataskan hak untuk mendapatkan ilmu di Kolej tersebut hanya kepada golongan lelaki sahaja. Usaha-usaha untuk

⁸⁶ Balkis Hj Abu Bakar, Fatimah Mohammad, *Wanita Islam: Masalah, Cabaran dan Masa Depan*, dlm, Mahyuddin Hj. Yahya (Edt.), *Islam dan Pembangunan Negara*, (Bangi Selangor: Penerbit UKM., 1996, h. 212-221.

⁸⁷ Nor Affizar Ibrahim, Islam iktiraf hak keistimewaan wanita, dalam *Berita Harian*, Sabtu 13 November 1999. (Dr. Andek Masnah telah menghasilkan buku yang berjudul, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*, Penerbit UKM, Bangi, Selangor, 1999).

memberi peluang yang sama kepada golongan wanita telah diperkatakan oleh pelbagai pihak. Sehubungan dengan itu dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik KIM pada 11 Julai 1958, Pengetua KIM pada masa itu Dr. Muhammad Abdul Rauf telah memaklumkan kepada majlis tentang cadangan Pengerusi MKIM, Dato' Syed Ibrahim Alsagoff untuk menerima pelajar-pelajar perempuan belajar di KIM. Menurut beliau kemasukan pelajar perempuan ke Kolej Islam Malaya merupakan satu kemajuan kepada Kolej. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diberi pertimbangan dalam pelbagai segi sebelum dilaksanakan.⁸⁸ Selaku Pengetua Kolej Islam Malaya, Dr. Muhammad Abdul Rauf telah menjelaskan:

Kaum wanita juga berhak menerima pendidikan tinggi Islam. Cadangan untuk memasukkan pelajar wanita ke Kolej Islam tidak bercanggah dengan perlembagaan Kolej Islam Malaya.⁸⁹

Seterusnya dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik KIM yang diadakan pada 3 Disember 1958, mesyuarat telah dimaklumkan keputusan yang telah dibuat oleh MKIM. Majlis Kolej Islam Malaya telah menyatakan:

Pending the approval of the Conference of Rulers, the Council resolved that suitably qualified girl students be admitted from 1959 Session provided that they should find their own accommodation which should be accepted by the Principal of the College.⁹⁰

⁸⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik KIM, 11 Julai 1958.op.cit. Mesyuarat ini telah diadakan pada jam 9.25 pagi di pejabat Pengetua KIM.

⁸⁹ Berita Harian, 15 Oktober 1958, h.1.

⁹⁰ Academic Committee Meeting, Ref.(34) in CIM 42/58.

Persetujuan yang diperoleh daripada Majlis Raja-Raja Melayu ini menggembirakan ahli-ahli Jawatankuasa Akademik KIM dan mereka telah merakamkan ucapan terima kasih kepada MKIM yang telah berusaha ke arah memajukan KIM.

Pada 5 Februari 1959, Majlis Raja-Raja Melayu telah mengadakan mesyuarat dan telah menumpukan perbincangan ke atas cadangan memasukkan pelajar perempuan ke KIM. Mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan itu dengan beberapa syarat yang mesti dipatuhi;⁹¹

- i. Hendaklah Kolej Islam Malaya mengadakan suatu cawangan khas bagi penuntut-penuntut perempuan,
- ii. Hendaklah jumlah bilangan penuntut-penuntut perempuan itu tiada lebih daripada 30 orang ramainya,
- iii. Hendaklah tempat-tempat pelajaran bagi penuntut perempuan itu dan jua tempat kediaman mereka diasingkan daripada tempat pelajaran dan tempat kediaman bagi penuntut-penuntut lelaki, dan
- iv. Jika sekiranya boleh hendaklah diadakan guru-guru perempuan bagi penuntut perempuan itu.

Pengerusi MKIM telah memohon persetujuan Majlis Raja-Raja

Melayu agar penuntut perempuan diterima belajar di KIM kerana:

Memandangkan bahawa soal penerimaan penuntut-penuntut perempuan untuk belajar di Kolej Islam adalah satu soal yang dipandang mustahak oleh hamba rakyat yang beragama Islam di Persekutuan Tanah Melayu ini, dan jua oleh kerana belum ada lagi sebuah pusat pelajaran agama Islam yang tertinggi bagi wanita-wanita, maka

⁹¹ Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu, Bilangan (C) 77/CR/jil./2. Kertas Mesyuarat Bi. No. 7/51/60. Lihat dalam SUK. Selangor 552/53, (ANM).

bertanggungjawablah kepada Kolej Islam Se-Malaya rasanya memanjangkan pelajaran agama Islam di Kolej ini kepada penuntut-penuntut wanita.⁹²

Pesetujuan membenarkan pelajar-pelajar perempuan diterima masuk ke KIM yang diberikan oleh Majlis Raja-Raja Melayu adalah bersyarat. Pelajar-pelajar perempuan yang ditempatkan di KIM nanti buat sementara waktu sahaja. Majlis Raja-Raja Melayu mencadangkan agar pihak KIM mengasingkan kelas pelajar perempuan dengan pelajar lelaki apabila tiba waktu yang difikirkan sesuai. Perkara 5 dalam agenda Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang pada 25 Februari 1960 menjelaskan:

Meskipun demikian, Duli-Dulia Yang Maha Mulia dan Tuan-Tuan Terutama telah menitahkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyampaikan kepada Ahli-Ahli Majlis Kolej Islam itu perasaan tidak puas hati baginda di atas percampuran penuntut-penuntut itu dan meminta Ahli-Ahli Majlis Kolej Islam berikhtiar dengan bersungguh-sungguh mengadakan dengan beberapa segera bilik darjah yang berasingan bagi murid-murid perempuan di Kolej itu.⁹³

Peringatan Majlis Raja-Raja Melayu itu ada kebenarannya apabila dibandingkan dengan resolusi-resolusi yang telah digarapkan oleh Kongres Pendidikan Islam Se-Dunia Pertama di Makkah Al-Mukarramah pada 31 Mac-8 April 1977, menegaskan bahawa sistem percampuran antara lelaki dan perempuan akan mendatangkan kesan buruk dari segi keruntuhan moral dan keluarga, kesucian dalam pengasuhan anak-anak,

⁹² Ibid, h.2.

⁹³ Peringatan Keputusan Majlis Mesyuarat Raja-Raja Pada 25 Februari 1960, Kertas Mesyuarat Bil. 1/51/60-(114B), Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, (S)77/CR/Jil. II, dlm, SUK Selangor 552/3, (ANM).

keliaran generasi yang sedang membangun dan terjerumusny kepada perkara jenayah, yang bertentangan dengan Islam dan fikiran rasional. Kongres mengambil ketetapan dengan mengadakan sistem dan sukatan yang khusus dan berasingan untuk pendidikan wanita dalam semua peringkat pengajian.⁹⁴

Walaupun pelajar-pelajar wanita telah dibenarkan belajar ke KIM, tetapi permohonan dari kalangan pelajar-pelajar perempuan tidak menggalakkan sehinggakan pihak KIM memutuskan untuk menerima pelajar-pelajar wanita yang berkelayakan mulai sesi 1960. Namun demikian hanya 4 orang pelajar sahaja yang diterima ke KIM pada sesi tersebut. Pelajar-pelajar berkenaan ialah Fauziah Abd. Rashid, Rahimah Fathiyah Abdul Kadir, Rubiah Othman, dari Perak, dan Rahimah Hj. Omar dari Selangor.⁹⁵

Keempat orang pelajar tersebut telah mendaftar untuk Tahun Satu Persediaan. Salah seorang daripada mereka itu telah menjadi pelajar terbaik dalam peperiksaan peringkat Kursus Sijil Tertinggi Kolej Islam kemudiannya.

⁹⁴ Resolusi-Resolusi Kongres Pendidikan Islam Se-Dunia Pertama, Di Makkah Al-Mukarramah, 31 Mac - 8 April 1977, lampiran dlm. Dr. Sobri Salamon, Dr. Haron Din, Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, (Al-Rahmaniah, K.Lumpur, 1980) h.94-95.

⁹⁵ Ungku Ibrahim, "Kolej Islam Malaya: Sejarah dan Sumbangannya Dalam Pendidikan Islam di Nusantara", op.cit., h.29-30; Lihat juga, Calendar 1961, h.51. Menurut Ustazah Fauziah Abdul Rashid, mereka menjadi perhatian dan tumpuan semua pihak. Pada mulanya mereka berasa agak kekok dan agak terasing kerana sebahagian besar daripadanya pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, perkara ini dapat diatasi dan mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang ada. (Wawancara melalui telefon pada 29.2.200). Nama-nama pelajar berkenaan diberikan oleh Ustazah Fauziah Abdul Rashid. Gambar keempat-empat orang pelajar tersebut dilampiran A, ehsan Ustazah Fauziah Abdul Rashid.

Perincian pecahan pelajar Kolej Islam Malaya bagi tahun 1961 seperti jadual 4 di halaman 48 dan 49 di sebelah.

Berpandukan jadual 4 di sebelah, pada tahun 1961 Perak mempunyai bilangan pelajar teramai iaitu 50 orang, kemudian diikuti oleh Kelantan seramai 44 orang, Johor 17 orang, Kedah dan Pahang masing-masing 15 orang, Selangor 13 orang, Terengganu 7 orang, Brunei 5 orang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, masing-masing 4 orang. Bilangan pelajar yang paling rendah pula diwakili oleh Melaka dan Singapura masing-masing 2 orang.

Jadual 4 : Pecahan Pelajar Kolej Islam Malaya Mengikut Negeri , Jantina dan Tahap Pengajian Dalam Tahun 1961.

Bil	Negeri	Bil. Pelajar Persediaan		Bil. Pelajar Peringkat Pertama Kolej			Bil. Pelajar Peringkat Tinggi		Jumlah	%
		I	II	I	II	III	I	II		
1	L	17	03	06	04	03	03	03	39	27.5%
	Perak P	08	03	-	-	-	-	-	11	
2	L	08	08	16	03	03	04	01	44	24.2%
	Kelantan P	-	-	-	-	-	-	-	-	
3	L	05	02	03	04	02	-	01	17	9.34%
	Johor P	-	-	-	-	-	-	-	-	
4	L	03	03	03	01	01	02	01	14	8.2%
	Kedah P	01	-	-	-	-	-	-	01	
5	L	02	04	01	01	01	02	-	13	8.2%
	Pahang P	02	-	-	-	-	-	-	02	

	L	04	01	01	-	-	02	-	08	
6	Selangor P	04	01	-	-	-	-	-	05	7.1%
	L	-	-	-	01	02	03	-	06	
7	Trganu P	01	-	-	-	-	-	-	01	3.9%
	L	02	01	-	01	-	01	-	05	
8	Brunei P	-	-	-	-	-	-	-	-	2.7%
	Negeri L	01	-	-	01	01	-	-	03	
9	Sembilan P	01	-	-	-	-	-	-	01	2.2%
10	Pulau L	01	-	01	01	-	-	-	03	
	Pinang P	01	-	-	-	-	-	-	01	2.2%
	L	-	-	-	01	02	01	-	04	
11	Perlis P	-	-	-	-	-	-	-	-	2.2%
	L	-	-	01	01	-	-	-	02	
12	Melaka P	-	-	-	-	-	-	-	-	1.1%
	L	01	-	01	-	-	-	-	02	
13	Singapura P	-	-	-	-	-	-	-	-	1.1%
	JUMLAH	63	26	33	19	15	18	08	182	100%

(Sumber : Muslim College Malaya, Calendar 1961, h.7)⁹⁶

Nota : L = Lelaki

Jumlah Pelajar Lelaki - 160

P= Perempuan⁹⁷

Jumlah Pelajar Perempuan - 22

Jumlah Besar - 182

Dalam tahun pengajian 1964, seramai 315 orang pelajar yang menuntut di KIM. Perincian mengikut negeri, jantina, dan tahap pengajian

⁹⁶ Muslim College Malaya, Calendar 1961; Laporan Kemajuan Kolej Islam Malaya Tahun 1961, h.2.

di halaman sebelah, dalam Jadual 5. Berdasarkan Jadual 5, Perak mempunyai pelajar teramai di KIM dalam tahun 1964, iaitu 75 orang atau 23.8%, diikuti oleh Kelantan seramai 61 orang atau 19.4%, Kedah seramai 37 orang atau 11.7%. Bagi negeri Selangor pula seramai 35 orang atau 11.1%, Pahang seramai 32 orang atau 10.2%. Sarawak merupakan negeri yang paling kecil mempunyai pelajar di KIM, iaitu 2 orang atau 0.6%. Jumlah keseluruhan pelajar pada tahun berkenaan ialah 315 orang, iaitu 236 orang pelajar lelaki dan 79 orang pelajar perempuan. Pertambahan pelajar perempuan agak ketara pada tahun berkenaan, iaitu 33.5%. Ini bermakna pelajar perempuan juga mempunyai kelayakan yang setanding dengan pelajar lelaki.

Jadual 5: Pecahan Pelajar Kolej Islam Malaya Mengikut Negeri, Jantina dan Tahap Pengajian Dalam Tahun 1964

Bil.	Negeri	Bil. Pelajar Persediaan			Bil. Pelajar Peringkat Kolej			Bil. Pelajar Peringkat Tinggi	Jum	%
		I	II	III	I	II	III	Diploma		
1	L	16	07	04	11	01	03	04	46	23.8
	Perak P	13	05	03	06	02	-	-	29	
2	L	05	04	04	06	01	01	01	22	11.1
	Selangor P	02	04	04	02	01	-	-	13	
3	Negeri L	01	-	01	03	-	01	-	06	3.2
	Sembilan P	01	02	-	01	-	-	-	04	

⁹⁷ Pelajar perempuan mula diterima belajar di KIM pada tahun 1960.

4	Pahang	L	04	09	07	06	01	01	-	28	10.2
		P	-	01	-	02	-	01	-	04	
5	P.Pinang	L	08	-	-	-	-	01	01	10	4.1
		P	01	-	01	01	-	-	-	03	
6	Kedah	L	07	04	06	02	04	05	01	29	11.7
		P	03	-	03	01	01	-	-	08	
7	Perlis	L	02	04	-	-	-	01	-	07	3.2
		P	-	03	-	-	-	-	-	03	
8	Kelantan	L	13	03	06	09	05	05	11	52	19.4
		P	05	01	02	01	-	-	-	09	
9	Trganu	L	02	01	-	01	-	-	01	05	1.9
		P	-	-	-	01	-	-	-	01	
10	Melaka	L	-	03	-	-	-	01	01	05	1.9
		P	-	-	01	-	-	-	-	01	
11	Johor	L	03	-	01	01	01	-	02	08	3.5
		P	-	-	01	-	01	01	-	03	
12	Sgpura	L	03	-	-	-	01	-	01	05	1.9
		P	-	-	01	-	-	-	-	01	
13	Brunai	L	03	-	07	01	-	-	-	11	3.5
		P	-	-	-	-	-	-	-	-	
14	Sarawak	L	-	01	-	-	01	-	-	02	0.6
		P	-	-	-	-	-	-	-	-	
	JUMLAH		92	52	52	55	20	21	23	315	100

(Sumber : Kolej Islam Malaya: Kalendar 1965/66 h. 15-16)⁹⁸

⁹⁸ Kolej Islam Malaya: Kalendar 1965/66, h.15-16

Kemasukan pelajar ke Kolej Islam dalam masa 10 tahun selepas pembukaannya semakin ramai bilangannya. Oleh yang demikian, pihak KIM berusaha untuk memenuhi permintaan daripada para pelajar sekolah-sekolah agama di seluruh negara tetapi malangnya masalah tempat yang begitu terhad, pensyarah juga tidak mencukupi, maka pihak KIM terpaksa menghadkan bilangan pelajar ke KIM.⁹⁹ Antara cara untuk menghadkan bilangan pelajar masuk ke KIM ialah dengan mengadakan peperiksaan masuk. Peperiksaan yang dijalankan ini akan memilih pelajar yang benar-benar layak dan mempunyai kepintaran yang tinggi. Hal ini juga ada hubungannya dengan subjek yang akan dipelajari oleh pelajar, agak sukar dan memerlukan daya ingatan yang kuat, khususnya bagi menghafal kalimah-kalimah bahasa Arab.¹⁰⁰

Bilangan pelajar sekolah-sekolah agama dan Arab di Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1956 ialah seramai 35,093 orang. Bagi menjelaskan lagi bilangan pelajar sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara, dalam tahun 1956 perhatikan Jadual 6 di bawah:

⁹⁹ Baharuddin Abu Kassim, "Sejarah Kolej Islam Malaya", Kertas Penyelidikan Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976, h.3. Lihat juga, Rosnani Hashim, Educational Dualism in Malaysia: Implications For Theory and Practice, Oxford University Press, Singapore, 1996, h.62.

¹⁰⁰ Wawancara dengan Ustaz Hussein Unang, op.cit.

Jadual 6: Bilangan Pelajar di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1956

Bil.	Negeri	Jumlah Pelajar
1	Negeri Sembilan	1,182 Orang
2	Johor	6,654 Orang
3	Selangor	889 Orang
4	Kelantan	3,846 Orang
5	Pulau Pinang	6,426 Orang
6	Terengganu	910 Orang
7	Pahang	843 Orang
8	Kedah	2,708 Orang
9	Perak	6,938 Orang
10	Perlis	445 Orang
11	Melaka	4,252 Orang
	JUMLAH BESAR	35,093 Orang

(Sumber: Report of the Committee To Consider Financial Aids To Non-Government Islamic Religious Schools, h. 48)¹⁰¹

¹⁰¹ Report of the Committee To Consider Financial Aids To Non-Government Islamic Religious Schools, (P/JP3, ANM) h, 48. Pada tahun 1966 jumlah pelajar di Sekolah-Sekolah Agama seluruh Semenanjung Malaysia telah meningkat kepada 55,303 orang.

3.5: Kewangan

Sumber kewangan KIM pada peringkat awal penubuhannya adalah dari derma orang ramai . Tanpa sumbangan wakaf istana oleh Almarhum Sultan Selangor untuk dijadikan tapak KIM, mungkin KIM menjadi impian sahaja. Ini telah ditegaskan oleh Laporan Kemajuan KIM tahun 1965/66:

Dengan adanya hadiah sebuah istana daripada Almarhum DYMM Sultan Selangor, telah memudahkan jadinya Kolej, kalaulah tidak kerana hadiah itu maka haruslah Kolej tidak dapat diadakan.¹⁰²

Kedatangan dua orang pensyarah pinjaman dari Universiti Al-Azhar juga telah menjadi pemangkin terbinanya KIM. Kedua-dua pensyarah ini tidak menuntut layanan yang istimewa.¹⁰³

Rayuan demi rayuan telah dibuat oleh MKIM agar hartawan menghulurkan bantuan kewangan kepada KIM. Tindakan ini terpaksa dilakukan kerana KIM tidak mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Kebanyakan golongan hartawan kurang sedar tentang tanggungjawab untuk berderma (*al-infaq*) dan berkorban (*al-tadhiyyah*) kerana mereka lebih bersifat "*hub al-dunya*".

Setelah KIM beroperasi dan telah berkembang pada tahun-tahun selepas 1955, keperluan sumber kewangan semakin ketara bagi membiayai urusan pentadbiran Kolej. Dalam rangka menjaminkan pendapatan yang tetap kepada Kolej, Jawatankuasa Penaja dan selepasnya

MKIM mengambil keputusan bagi mengadakan wang derma pertaruhan untuk dijadikan sebagai penanaman modal. Wang pertaruhan ini boleh dibayar secara beransur-ansur sehingga mencukupi had yang dijanjikan. Sumbangan seperti ini dinamakan "derma yang dijanjikan".¹⁰⁴

Atas inisiatif Pengerusi MKIM yang pertama Dato' Ibrahim Omar Alsagoff telah memperoleh derma daripada Kerajaan Saudi sebanyak \$40,000.00, Syekh Kuwait \$42,000.00 dan Syekh Bahrain, \$8,500.00. Beliau sendiri telah memberi sumbangan sebanyak \$50,000.00 dan sebuah rumah di Singapura yang bernilai kira-kira \$40,000.00.¹⁰⁵ Dengan wang derma yang dikumpulkan dalam tabung derma 'wang pertaruhan' (*Endowment Fund*) ini, sebanyak 16 buah rumah (*semi-detached*) telah didirikan di Petaling Jaya, dan 6 buah rumah telah dibeli di Singapura untuk disewakan bagi mendapatkan pendapatan tambahan kepada Kolej.

Pihak KIM tidak boleh bergantung kepada derma orang ramai semata-mata kerana derma secara sukarela ini tidak menentu jumlahnya. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Penaja dan juga MKIM berusaha untuk mendapatkan sumbangan tetap daripada Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan juga kerajaan negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu. Permohonan juga telah dibuat kepada Kongres Islam di Kaherah¹⁰⁶ dan juga Kerajaan Arab Saudi. Permohonan ini mendapat reaksi yang positif,

¹⁰² Kalendar, 1965/66, *op.cit.*, h.36-37.

¹⁰³ Temu bual dengan Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan oleh Sufyana, *op.cit.*, h.101.

¹⁰⁴ Kalendar, *op.cit.*, h.37

¹⁰⁵ *Utusan Melayu*, 2 Mei 1955, h. 1 (*Utusan Melayu/ Zaman*, 1954-1955, Mikrofilem, M171/83, Box. N0. 3495, ANM); Sumbangan derma tersebut telah diberikan oleh Putera Faisal, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi, di rumah Dato' Syed Ibrahim Omar Alsagoff, di Singapura.; Muslim college Malaya, *op.cit.*, h. 5.

¹⁰⁶ Majalah *Qalam* April 1955 h. 3 (Mikrofilem Majalah *Qalam* Julai 1950- Julai 1960, Box : 3166, CPR M/264, ANM), melaporkan janji Anwar Sadat untuk memberikan sumbangan tahunan kepada KIM.

masing-masing berjanji untuk memberikan sumbangan sebanyak \$15,000.00 setiap tahun.

Pendapatan tetap yang membolehkan KIM terus beroperasi ialah sumbangan yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan kerajaan luar negeri. Jadual 7 di bawah memperincikan sumbangan tahunan berkenaan:

Jadual 7: Sumbangan Wang Kepada KIM

Bil.	Sumbangan Daripada	Jumlah Setahun
1	Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu	\$15,000.00
2	Jabatan Agama Islam Johor	\$15,000.00
3	Jabatan Agama Islam Kelantan	\$ 6,000.00
4	Jabatan Agama Islam Perak	\$ 6,000.00
5	Kerajaan Negeri Terengganu	\$ 3,000.00
6	Kerajaan Negeri Kelantan	\$ 5,000.00
7	Jabatan Agama Islam Pahang	\$ 5,000.00
8.	Jabatan Agama Islam Selangor	\$ 5,000.00
9.	Kerajaan Negeri Sembilan	\$ 5,000.00
10.	Kerajaan Negeri Selangor	\$ 5,000.00
11.	Kerajaan Brunei Darussalam	\$ 5,000.00
12	Kerajaan Sarawak	\$ 1,000.00
13.	Kerajaan Mesir	\$15,000.00
14.	Kerajaan Saudi Arabia	\$15,000.00

(Sumber: Muslim College Malaya, h.5)¹⁰⁷

¹⁰⁷ Ibid.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menambahkan sumbangan tahunan kepada KIM pada tahun 1957 setelah Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu menerima laporan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Bagi Menimbang Bantuan Kewangan Kepada Sekolah-Sekolah Agama Bukan Kerajaan. Laporan Jawatankuasa tersebut menyatakan:

We are aware that the yearly grant of \$15,000 from the Federal Government is not at all commensurate with what ought to be contributed towards the only College in this country where higher Islamic education is taught. Besides there are Islamic Government in the Middle East whose yearly contributions to the College are equal to this amount.¹⁰⁸

Memandangkan sumbangan tahunan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu¹⁰⁹ yang agak kecil itu, maka jawatankuasa tersebut telah mencadangkan:

In studying the present Government Educational Policy, which aims at the encouragement of religious studies of Islam and the training of more teachers to qualify in the teaching of religious subjects, we therefore recommend that the Muslim College at Klang should be supported by the the Government and should become a faculty of the University of Malaya, of equal standing with the other faculties in the University. Before the achievement of this aims, we recommend that the Government of the

¹⁰⁸ Report of Committee To Consider Financial Aids To Non-Government Islamic Religious Schools, (Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1957) h.6. (P/JP3 ANM).Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Abdul Rahman Talib merangkap Timbalan Menteri Sumber Alam dan Kerajaan Tempatan, dengan 7 orang ahli yang terdiri daripada Raja Musa bin Raja Mahadi, Tuan Haji Hassan Yunus, Tuan Haji Ahmad bin Hussain, Encik Salleh bin Osman, Encik Abdul Hamid bin Mahmud, Tuan Haji Ahmad Maliki, dan Tuan Haji Hussain bin Dol.

¹⁰⁹ Boleh dilihat juga dalam Chief Secretary Federation of Malaya, No.Fail 689/1955, Minit Mesyuarat 3 Mac 1956 (Minit Paper: No. CS 689/55, Bil. 40. (ANM) Pemberian Sumbangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu daripada wang bahagian "Grants to Social Institutions and Associations", ANM.

Federation of Malaya increases its grants-in-aids to the Muslim College up to \$50,000 a year.¹¹⁰

Masalah sumbangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang kecil kepada KIM itu telah mendapat perhatian Majlis Pelajaran Kongres Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Se-Malaya (KSARS). Majlis Pelajaran KSARS telah menghantar memorandum kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 25 Ogos 1956 atas tajuk, Bantuan Kepada Kolej Islam Malaya dan Pengiktirafannya Sebagai Universiti Kolej, menjelaskan:

Kami telah ketahui juga bahawa Kolej Islam Malaya itu sekarang telahpun mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi kami merasa bahawa bantuan itu amatlah tidak munasabah, kami mengesyorkan dan menuntut supaya bantuan yang lebih besar lagi hendaklah diuntukkan pada tahun-tahun ke hadapan ini bagi Kolej Islam itu.¹¹¹

Kongres Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Se-Malaya juga telah meneliti Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang telah memperuntukkan sebanyak satu juta ringgit untuk bantuan pertubuhan-pertubuhan sukarela dan Sekolah-Sekolah Khas (*Grant to Voluntary Agencies and Special Schools*). Memorandum tersebut menyatakan:

Kami berpendapat amatlah tidak adilnya jika Sekolah-Sekolah Khas yang kebanyakannya pengembang-pengembang agama Kristian itu sahaja yang akan mendapat peluang daripada bantuan-bantuan yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan pada tahun-tahun yang akan datang ini.¹¹²

¹¹⁰ Report of Committee To Consider Financial Aids To Non-Government Islamic Religious Schools, *ibid.*, h.10.

¹¹¹ Memorandum Bantuan Kepada Kolej Islam Malaya dan Pengiktirafannya Sebagai Universiti Kolej, oleh Majlis Pelajaran KSARS, yang telah ditandatangani oleh Hassan Adli, beralamat di Sekolah Al-Ulum, Bt. 20, Bagan Datoh, Perak. Lihat juga, Report of The Committee To Consider Financial Aids To Non-Government Islamic Religious School, *op.cit.*, h.49.

¹¹² *Ibid.*, h.18.

Di samping sumbangan tetap tahunan di atas, KIM juga menerima wang daripada hasil-hasil harta Kolej dan juga bayaran persekolahan pelajar. Pendapatan bayaran persekolahan pelajar sangat kecil, iaitu pelajar-pelajar persediaan membayar \$30 setahun dan pelajar-pelajar kursus lain membayar \$45 setahun.¹¹³ Anggaran perbelanjaan bagi seorang pelajar hampir \$500 setahun. Pihak Kolej Islam Malaya mengenakan bayaran yang agak berpatutan kepada para pelajar memandangkan rata-rata mereka terdiri daripada golongan yang sederhana. Dengan bayaran yang agak rendah itu pun ada di kalangan pelajar yang tidak mampu membayarnya dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kolej. Ini menyebabkan pendaftar Kolej Islam telah menghantar surat amaran kepada para pelajar yang terlibat setelah diarahkan oleh MKIM.¹¹⁴

Jadual 8 di sebelah menunjukkan pendapatan Kolej daripada yuran pelajar. Kutipan yuran tersebut mencakupi, bayaran peperiksaan, yuran persekolahan tahunan, bayaran untuk peralatan, perkhidmatan dobi, bayaran makan dan minum, dan seterusnya bayaran elektrik dan air. Para pelajar KIM yang tinggal di asrama hanya membayar \$280 setahun untuk makan dan minum kerana pihak Kolej Islam telah memberi subsidi kepada pelajar.

¹¹³ Kalendar 1965/66, *op.cit.*, h.39.

¹¹⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik 21 Julai 1958, Agenda 5. Arreas of Fees. Pendaftar KIM pada masa itu ialah, Encik Ahmad bin Haji A. Rahim. Surat amaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar KIM menyebabkan para pelajar yang berkenaan memprotes dengan menghantar surat kepada Jawatankuasa Akademik KIM. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik 21 Julai 1958, masalah ini telah dibincangkan dan mengambil keputusan untuk membuat rayuan kepada MKIM agar mempertimbangkan rayuan pelajar ini. JKAKIM seolah-oleh menyebelahi para pelajar dengan menyatakan, "In this connexion the attention is drawn to the fact that students at all Training College in Malaya are not only provide with the free tuition and full board but are also given

Jadual di bawah menunjukkan pendapatan Kolej daripada yuran pelajar:

Jadual 8: Pendapatan Kolej Melalui Yuran Pelajar

Bil.	Jenis Bayaran	Kursus Persediaan	Kursus Kolej
1	Bayaran Peperiksaan Masuk	\$ 10.00	\$ 10.00
2	Yuran Persekolahan Setahun	\$ 30.00	\$ 45.00
3	Bayaran Alatan Setahun	\$ 24.00	\$ 24.00
4	Bayaran dobi setahun	\$ 60.00	\$ 60.00
5	Bayaran makan dan minum setahun ¹¹⁵	\$280.00	\$280.00
6	Bayaran elektrik dan air	\$ 15.00	
	JUMLAH BESAR	\$419.00	\$434.00

(Sumber: Muslim College Malaya, Calendar 1961, h.27)

Pihak KIM juga menghadapi masalah dalam pungutan pendapatan tetap tahunan ini kerana ada kalanya negeri-negeri yang berkenaan lewat menghantar sumbangan mereka.¹¹⁶ Bagi Kerajaan Saudi Arabia dan Kerajaan Mesir sehingga tahun 1965 hanya dua kali sahaja menghantar wang yang dijanjikan kepada Kolej. Keadaan ini telah menyebabkan ketidaksimbangan antara pendapatan dengan perbelanjaan. Jadual di

financial assistance. It is also known that the majority of the College students are drawn from poor strata of society".

¹¹⁵ Yuran makan tertakluk kepada harga tender makanan tahunan.

¹¹⁶ Suggested Minimum Grant From state Government To The Muslim College Klang 1958, dlm. SUK Selangor 552/53, Bil. 78A. Hanya empat buah negeri sahaja yang bayar

bawah menunjukkan ringkasan pendapatan dan perbelanjaan semasa KIM mulai tahun 1955 sehingga 1958.

Jadual 9: Pendapatan dan Perbelanjaan Semasa Kolej Islam Malaya tahun 1955-1958.

Tahun	Perbelanjaan	Pendapatan	Defisit	Lebihan
1955	\$83,590.00	\$74,650.00	-\$8,940.00	-
1956	\$126,662.00	\$127,400.00	-	+\$738.00
1957	\$164,942.00	\$151,650.00	-\$13,292.00	-
1958	\$205,756.00	\$175,900.00	-\$29,856.00	
JUMLAH	\$580,950.00	\$529,600.00	\$52,088.00	\$738.00

(Sumber: Summary of Annually Recurrent Income & Expenditure of Muslim College Malaya, dlm., Muslim College Malaya: Financial Position as at 31st January 1955)¹¹⁷

Jadual 9 di atas menunjukkan selama tiga tahun KIM mengalami defisit pendapatan tahunan iaitu tahun 1955 sebanyak \$8,940, tahun 1957 defisit sebanyak \$13,292, dan paling ketara sekali pada tahun 1958, defisit telah menjangkau \$29,856. Masalah ini timbul kesan daripada hubungan KIM dengan Universiti Malaya.¹¹⁸ Masalah kemelesetan kewangan Kolej Islam Malaya awal tahun 1958 telah disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu 30 Mei 1958.¹¹⁹ Akhbar tersebut telah menyiarkan perbelanjaan KIM hanya cukup untuk dua bulan sahaja, sekiranya pihak Kementerian

¹¹⁷ Muslim College Malaya: Financial Position as at 31st January 1955. Dlm., SP239 Tan Sri Abdul Jalil Hassan (ANM)

¹¹⁸ Pada 6 Mei 1958 telah digubal perlembagaan baru bagi KIM di bawah Seksyen 26(1)F peraturan Universiti Malaya. Menurut kehendak perlembagaan ini MKIM adalah menjadi satu kuasa (*Authority*) Universiti Malaya dan mempunyai kuasa autonomi atas segala pentadbiran, kewangan, sukatan pelajaran kecuali kursus-kursus di Jabatan Pengajian Islam tertaklum kepada Senat Universiti Malaya. Lihat, "Kolej Islam Malaya dan Perkembangannya" dlm, SP69/A/63, *op.cit.*

Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu tidak memberi bantuan kewangan dengan kadar segera, berkemungkinan besar perjalanan Kolej Islam akan tergendala. Mengikut Dr. Muhammad Abdul Rauf, Pengetua KIM:

Hanya kebijaksanaan Kementerian Pelajaran sahajalah yang akan dapat menyelamatkan terbengkalainya perjalanan Kolej yang didirikan 4 tahun dahulu. Wang simpanan yang ada sekarang hanya dapat meneruskan perjalanan Kolej itu dua bulan sehaja lagi.¹²⁰

Rencana pengarang akhbar Utusan Melayu, 30 Mei 1958¹²¹ telah membicarakan masalah kewangan yang melanda KIM awal tahun 1958. Rencana pengarang tersebut menegaskan bahawa adalah tidak patut pihak-pihak yang bertanggungjawab membiarkan masalah tersebut tanpa diselesaikan dengan sebaik mungkin, kerana selama tiga tahun yang lalu KIM telah berjaya melahirkan sebilangan pemuda-pemuda yang mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam. Menurut rencana pengarang itu lagi:

Kita percaya umat Islam seluruh Semenanjung Tanah Melayu akan menyambut berita ini dengan hati yang sebal dan amat dukacita. Kalaupun terjadi peristiwa yang menyayatkan hati ini, maka tertutuplah sebuah pusat pendidikan Islam di Tanah Air kita ini. Dan dengan tertutupnya Kolej tersebut maka akan padamlah sebuah lampu yang selama ini menyinari alam pendidikan Islam di negara kita.¹²²

Tuan Haji Hassan Adli¹²³ telah membuat komentar tentang bantuan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada KIM. Beliau berpendapat, bantuan tersebut hendaklah diasaskan di atas dasar bahawa KIM

¹¹⁹ Utusan Melayu, 30 Mei 1958, h.3.

¹²⁰ Ibid.

¹²¹ Ibid., h.4.

¹²² Ibid.

¹²³ Tuan Haji Hassan Adli merupakan Setiausaha Agung KSAR

merupakan salah sebuah sekolah tinggi yang sama-sama mempunyai tanggungjawab nasional dalam negara ini. Beliau menjelaskan:

Perbelanjaan itu patutlah dibantu daripada hasil yang bersifat nasional daripada negara ini, tidak daripada zakat fitrah.¹²⁴

Beliau telah menentang keras cadangan Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Encik Khir Johari hendak menyatukan cara pungutan zakat fitrah, dan hasil pungutan tersebut digunakan bagi membiayai Kolej Islam Malaya. Haji Hassan Adli menyatakan bahawa wang kutipan zakat fitrah itu sepatutnya diagihkan kepada lapan golongan (asnaf) yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam, bukan untuk membiayai Kolej Islam semata-mata.¹²⁵

Lebih pendapatan KIM hanya berlaku pada tahun 1956, iaitu sebanyak \$738 sahaja. Bagi mengatasi masalah yang berat ini pihak KIM telah memohon bantuan daripada kerajaan pusat. Atas perundingan dan sokongan kuat pihak-pihak yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat, maka masalah yang dihadapi oleh KIM telah dapat diselesaikan apabila kerajaan pusat telah meluluskan permohonan tersebut sebanyak \$87,000 bagi menampung defisit pada tahun berkenaan.¹²⁶

Pada tahun 1958, Majlis Kolej Islam Malaya baru telah dibentuk mengikut Undang-Undang Tubuh KIM yang baru. Kedudukan kewangan KIM bertambah baik setelah mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Pihak MKIM berhasrat memberi layanan yang sewajarnya kepada kakitangan KIM selari dengan pekerja yang

¹²⁴ *Utusan Melayu*, 5 September 1958, h.3.

¹²⁵ Ibid.

¹²⁶ Laporan Kedudukan Kolej Islam Malaya di Petaling Jaya dan Klang di bawah Education Act, 1961, dlm, SP.69/A/76 (ANM).

bekerja di pejabat-pejabat kerajaan. Mengikut Ustaz Hassan Salleh¹²⁷ para pensyarah KIM tidak begitu mengambil berat tentang gaji yang mereka peroleh. Sebahagian besar daripada mereka lebih menumpukan kepada usaha-usaha untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Keikhlasan para pensyarah KIM pada masa itu tidak boleh dinafikan. Bagi menjamin kepuasan hati para pegawai KIM, serta memberikan hak mereka dengan sewajarnya, supaya mereka terus gigih dan bermotivasi maka pihak MKIM telah mengadakan satu tangga gaji baru buat pertama kalinya. Kemudahan seperti elaun rumah diberikan kepada semua staf KIM. Di samping itu bayaran "Tabung Simpanan"¹²⁸ diberikan kepada semua staf KIM yang layak dan berhak. Kakitangan KIM juga diberikan kemudahan perubatan.

Pada awal tahun 1959, jawatan pembantu kewangan telah diwujudkan bagi melicinkan dan mengemaskan lagi pentadbiran kewangan. Jawatan bendahari telah dimansuhkan dan digantikan dengan syarikat bagi mengawasi soal kira-kira dan seterusnya menjadi juruaudit kewangan Kolej setiap bulan.¹²⁹ Pemeriksa kira-kira KIM yang telah dilantik ialah Messrs Tan Toh Hua & Co., Kuala Lumpur. Keadaan pentadbiran kewangan yang kemas dan rapi ini telah mendatangkan keyakinan dan kepercayaan pihak-pihak yang memberikan sumbangan tetap kepada KIM. Laporan KIM tahun 1963/64 menyatakan:

This general improvement gained the College more confidence and satisfaction, especially in the

¹²⁷ Wawancara pada September 1999, *op cit.*

¹²⁸ Tabung ini seakan-akan wang caruman KWSP sekarang ini, tetapi untuk peringkat KIM sahaja.

¹²⁹ Kalendar 1965/66, *op cit.*, h. 38.

official circles which contributed to its maintenance.¹³⁰

Kemampuan pentadbir KIM melaksanakan perancangan strategik bagi menambahkan dana KIM melalui media, rayuan derma daripada kerajaan negara luar dan tokoh-tokoh politik serta menyelesaikan masalah yang dihadapi telah memantap dan memajukan lagi KIM sebagai institusi pendidikan Islam yang unggul di negara ini. Begitu juga dengan keprihatinan Perdana Menteri Y.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, terhadap nasib KIM telah menyebabkan kerajaan persekutuan membantu KIM dari segi kewangan dan pentadbiran.

3.6: Kurikulum

Pada zaman kegemilangan tamadun Islam dalam abad ke-7 hingga ke-11, di Asia Barat kurikulum pendidikan Islam meliputi empat komponen mata pelajaran iaitu: 1. *Syariat* yang mencakupi usul fikah, tafsir dan hadis. 2. *Adabiyyat* yang terdiri daripada pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab seperti nahu, saraf, balaghah dan sebagainya. 3. *Riadiyyat* seperti ilmu hisab, ukur, algebra, seni muzik, etika dan ekonomi rumahtangga. 4. *Aqliyyat* seperti logik, dialektika, ilmu kalam, sains tabii, ilmu perubatan dan kimia, di samping ilmu haiwan, pertanian dan sebagainya. Ternyata bahawa tamadun Islam tidak memisahkan secara

¹³⁰ Calendar 1963/64, *op.cit.*, h.27.

mutlak antara ilmu-ilmu syariat dengan ilmu-ilmu aqliah dalam masyarakat Islam.¹³¹

Corak dan falsafah kurikulum pelajaran agama Islam di Tanah Melayu mempunyai ciri-ciri keserupaan dengan pembentukan kurikulum di seluruh dunia Islam, sama ada di Semenanjung Tanah Arab, Mesir, Iraq, Afrika mahupun di negara sebelah Timur.¹³² Antara mata pelajaran yang dianggap penting sebagai asas bagi pelajaran lain dalam menyediakan individu Muslim yang bertaqwa dan berakhlak mulia ialah subjek al-Qur'an dan Hadith. Menurut Syalabi, mengajar al-Qur'an kepada kanak-kanak ialah salah satu syiar agama yang dipatuhi oleh kaum Muslimin di segenap negeri Islam, kerana al-Qur'an dan Hadith menimbulkan keimanan yang kuat dalam hati. Oleh itu kerana al-Qur'an dijadikan pokok pengajaran.¹³³ Kesenambungan warisan falsafah dan matlamat pendidikan Islam bersifat berterusan zaman berzaman. Cendekiawan Islam dalam satu persidangan telah merumuskan bahawa tujuan pendidikan Islam ialah:

Education should aim at the balanced growth of total personality of Man through the training of Man's spirit, intellect, rational self, feelings and bodily senses. The training imparted to a Muslim must be such that faith is infused into the whole of his personality and creates in him an emotional attachment to Islam and enables him to follow the Quran and sunnah and be governed by the Islamic system of values willingly and joyfully so that he may proceed to the realization of his status as

¹³¹ Faisal Othman, "Pendidikan Islam: Konsep dan Realiti", dlm, Ismail Abdul Rahman, Pendidikan di Malaysia, op cit, h.31.

¹³² Hj. Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, K.Lumpur: DBP., 1995, h.166.

¹³³ Ibid, h.167

khalifatullah to whom Allah has promised to the authority of the universe.¹³³

Bagi KIM, sebagai sebuah institusi pendidikan yang baru, pembentukan kurikulum asas amat perlu bagi kemajuan dan perkembangan seterusnya. Oleh yang demikian kursus-kursus pengajian telah disusun sebegitu rupa agar dapat mencapai matlamat serta tujuan-tujuan asal penubuhannya. Kursus-kursus yang ditawarkan disusun dengan rapi supaya benar-benar mencerminkan sebuah pusat pengajian tinggi Islam.¹³⁴ Sejak tahun 1955 sehingga tahun 1965 telah beberapa kali berlaku perubahan dalam kurikulum KIM sesuai dengan tuntutan semasa.

Jawatankuasa yang terlibat dalam usaha menggubal kurikulum KIM ialah Jawatankuasa Perguruan dan Penyusunan Pelajaran. Pada peringkat awalnya jawatankuasa ini telah mencadangkan dua peringkat kursus dilaksanakan di KIM. Kursus-kursus seperti berikut:¹³⁵

- a. Kursus Peringkat Kolej selama 4 tahun iaitu bagi memperoleh Ijazah Al-Syahadah Al-Aliyah yang setaraf dengan B.A Al-Azhar.
- b. Kursus Peringkat Takhassus selama 2 tahun iaitu untuk mendapatkan Ijazah Al-Syahadah Al-Alimiyah yang setaraf dengan M.A Al-Azhar.

Antara subjek yang diajar dalam dua peringkat di atas ialah:¹³⁶

1. Fikah¹³⁷

¹³³ Syed Muhammad Al-Naguib Al-Attas (ed.), Aims and Objectives of Islamic Education, Jeddah: King Abdul Aziz University, Jeddah, 1979, h.158-159.

¹³⁴ Sufyana, *op.cit.*, h.83-84.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ *Ibid.*

2. Usul Fikah¹³⁸
3. Tauhid
4. Hadith¹³⁹
5. Tafsir
6. Nahu
7. Sorof¹⁴⁰
8. Balaghah
9. Insyak
10. Tarikh Islam
11. Mustalah al-Hadith¹⁴¹
12. Mantiq
13. Tarikh Tasyri'ie
14. Adab Bahath (Forum)
15. Tarikh Qada Islam
16. Tausiqat al-Syariah
17. Falsafah
18. Falak
19. Malal Wannihal (Perbandingan Agama)
20. Bahasa Melayu
21. Bahasa Inggeris

¹³⁷ Fikah (Fiqh) ialah ilmu yang membicarakan hukum-hukum syara'. Lihat, Abd. Aziz Andik Acuk, Ilmu Usul Fiqh Tingkatan VI, K. Lumpur: DBP., 1976, h.7.

¹³⁸ Asas atau dalil bagi hukum-hukum iaitu hukum syarak, Lihat Abdul Aziz Andek Achok, *ibid.*

¹³⁹ Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w baik berupa perkataan, perbuatan, pernyataan, dan sebagainya. Lihat, Fachur Rahman, Ikhtisar Mushthalahul Hadis, (Bandung: P.T Al-Ma'arif, 1974) h. 6.

¹⁴⁰ Lanjutan daripada pelajaran nahu, tetapi pelajaran ini lebih khusus tentang penukaran atau kelainan-kelainan yang berlaku pada perbuatan jika perbuatan itu dibuat oleh seseorang.

¹⁴¹ Menghuraikan kebenaran sesuatu hadith. *Ibid.*, h. 55.

Semasa KIM memulakan tahun pengajiannya pada 1955/56, perancangan strategik awal kurikulum KIM terpaksa diubah suai daripada kurikulum sebelumnya yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Perguruan dan Penyusun Pelajaran. Perubahan ini adalah perlu bagi menatijahkan kurikulum yang sesuai dengan tahap pelajar pada masa itu. Kursus pengajiannya masih lagi dibahagikan kepada dua peringkat, tetapi peringkat pertama dipendekkan dari 4 tahun kepada 3 tahun.

Kurikulum KIM dari tahun 1955 sehingga 1957 dibahagikan kepada dua peringkat seperti di bawah:¹⁴²

1. Peringkat Pertama.

Pada peringkat ini kursus yang diambil selama 3 tahun. Mata pelajaran yang diajar merangkumi semua bidang pengajian, contohnya, bahasa Arab, Syariah, Usuluddin dan Falsafah, serta al-Qur'an dan al-Hadith. Subjek ini dimestikan kepada semua pelajar. Mereka juga dikehendaki mempelajari sejarah umum, sejarah Islam, prinsip-prinsip psikologi, sosiologi, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan akhir pada peringkat ini akan memperoleh Sijil Peringkat Pertama Kolej.

2. Peringkat Kedua.

Pada peringkat ini kursus yang ditawarkan mengambil masa selama 2 tahun. Para pelajar lulus Sijil Peringkat Pertama Kolej

¹⁴² Sufyana, *op.cit.* h. 84.

sahaja yang dibenarkan belajar di peringkat ini. Pada awalnya, kursus-kursus yang dicadangkan di peringkat ini dibahagikan kepada 4 jabatan iaitu, Jabatan Pengajian bahasa Arab, Jabatan Syari'ah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, dan seterusnya Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Al-Hadith. Para pelajar di setiap jabatan ini selain daripada mendalami pengkhususan dalam jabatan masing-masing, dikehendaki juga mengambil beberapa mata pelajaran pilihan (*option*) seperti Sejarah Islam, Sains Politik, Sosiologi, Perbandingan Agama, Tarikh Fariq Islamiyah, Ekonomi, Pengajian Al-Qur'an dan Akhlak. Mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu diwajibkan kepada semua jabatan. Pelajar-pelajar di tahun akhir peringkat kedua ini diwajibkan menyiapkan sebuah latihan ilmiah (tesis) yang asli berkaitan tajuk-tajuk yang telah dipersetujui oleh pihak pensyarah. Latihan ilmiah ini dianggap sebahagian daripada kertas peperiksaan. Pelajar yang telah berjaya dalam peringkat ini dalam peperiksaan akhir akan mendapat Sijil Peringkat Tertinggi Kolej Islam Malaya yang dianggap setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian (B.A Hons.)¹⁴³

Pihak KIM juga telah merancang untuk menubuhkan 3 buah institut kursus lanjutan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya memperoleh Sijil Peringkat Tertinggi KIM dalam bidang

¹⁴³ Cenderamata Ulang Tahun Kedua Puluh Kolej Islam 1955-1975, h.13-15; Sufyana, *ibid*, h.84-86.

pengkhususan (*takhassus*) yang tertentu. Institut-institut yang dicadangkan ialah:

- i. Institut Pendidikan
- ii. Institut Dakwah
- iii. Institut Perkadian

Kursus-kursus di atas mengambil masa selama setahun, dan para pelajar yang lulus dari institut-institut ini akan mendapat diploma dalam bidang *takhassus* masing-masing.¹⁴⁴

Selang beberapa tahun KIM beroperasi, di dapati kemampuan para pelajar dari segi ilmu pengetahuan agak lemah, maka Jawatankuasa Perguruan dan Penyusun KIM telah membuat perubahan dengan mengadakan Kelas Peringkat Persediaan atau dikenali juga sebagai *I'dadi* atau "*preparatory*" yang seakan-akan peringkat matrikulasi pada masa ini. Menurut Ungku Ibrahim bekas penuntut KIM:

Dengan ini ramai lagi pelajar-pelajar lulusan sekolah-sekolah agama seluruh negara dan sebagainya dapat memasuki KIM, di mana mereka yang berkelulusan maksimum dapat diterima terus ke Peringkat Tahun 1 Kolej, manakala yang berkelulusan minimum diterima masuk ke Kelas Persediaan.¹⁴⁵

Kelas Persediaan telah menjadi struktur pengajian KIM untuk tahun-tahun kemudiannya. Kelas ini penting kerana:

Penuntut-penuntut Kolej ini diambil dari pelbagai sekolah yang dikenali dengan sekolah Arab. Oleh sebab kemungkinan sekolah-sekolah penuntut sekolah itu pada umumnya didapati lebih rendah dari taraf yang dikehendaki oleh Kolej. Kekurangan

¹⁴⁴ Ibid.

¹⁴⁵ Ungku Ibrahim bin Ismail, "Kolej Islam Malaya: Satu Usaha Menghidup dan Membangunnya Semula Dalam Konteks Penubuhan Universiti Islam Malaysia", *op.cit.*, h.13.

yang ternyata sekali ialah dalam segi ilmu sains dan pengetahuan umum.¹⁴⁶

Walaupun kurikulum KIM dirancang dan disusun khusus dengan memberi penekanan terhadap pengajian Islam yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (*medium of instruction*) di semua peringkat pengajian dan pembelajarannya, iaitu mengikut pola kurikulum di Universiti Al-Azhar, namun ianya tidak mengabaikan subjek akademik seperti bahasa Inggeris dan sebagainya. Dengan wujudnya Kelas-Kelas Persediaan kemudiannya segala subjek yang berkaitan dengan sains dan teknologi menjadi mata pelajaran wajib di peringkat ini. Mengikut Ungku Ibrahim lagi:

Inilah , barangkali yang menjadikan graduan KIM boleh mengikuti dan menguasai banyak bidang ilmu dan kepakaran profesional dan sebagainya setelah berada di tengah-tengah masyarakat.¹⁴⁷

Kursus-kursus yang ditawarkan di KIM dari tahun 1958 hingga tahun 1961 mengandungi dua bahagian iaitu:

Dua tahun kursus persediaan.

Semasa dalam peringkat ini para pelajar akan mengulangkaji dan memantapkan bahasa Arab dan pengetahuan agama. Di samping itu, mereka juga mempelajari bahasa Inggeris, Kesusasteraan, Sains, Ilmu Kira-Kira. Taraf subjek yang diajar adalah sama dengan taraf pelajaran Sijil Rendah Persekutuan Tanah Melayu. KIM telah mengadakan sebuah makmal sains, dan Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu telah bermurah hati menghantar seorang guru sains sejak tahun 1957 lagi.

¹⁴⁶ Kalendar 1965/66, *op.cit.*, h.11.

Lima Tahun Kursus Kolej.

Pada peringkat ini ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab lebih diberi penekanan. Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu juga diteruskan dengan menitikberatkan perkara terjemahan, iaitu daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kursus Kolej pula terbahagi kepada dua peringkat:-

1. Peringkat Pertama: Selama 3 tahun bagi mendapatkan Sijil Kolej Peringkat Pertama,
2. Peringkat Kedua : Selama 2 tahun bagi mendapatkan Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya. Pada peringkat ini kebanyakan pelajaran yang diajarkan mengandungi perbincangan masalah-masalah yang besar yang berkaitan dengan ilmu al-Qur'an, hadith, aqa'id, falsafah dan fikah di samping kesusasteraan Arab. Latihan mengajar juga diberikan kepada pelajar pada peringkat ini. Para pelajar diminta menyiapkan tesis sebelum menjalani peperiksaan akhir tahun. Tajuk tesis mestilah terlebih dahulu diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik KIM. Para pelajar akan diberikan seorang penyelia di kalangan pensyarah untuk memberi bimbingan. Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar bagi semua kursus ini. Bahasa Melayu pula digunakan dalam subjek ilmu kira-kira, sains dan pendidikan. Bagi bahasa Inggeris pula untuk subjek bahasa Inggeris.¹⁴⁸

Rancangan untuk memecahkan kursus pengajian peringkat kedua ini kepada tiga jabatan iaitu Jabatan Bahasa Arab, Usuluddin, dan

¹⁴⁷ Ungku Ibrahim, *ibid.*

¹⁴⁸ *Ibid.*, h. 11-12.

Syariah terpaksa dibatalkan kerana kewangan dan staf akademik. Ketiga-tiga jabatan tersebut diigabungkan menjadi satu sahaja. Walau bagaimanapun kualiti pelajaran tetap terpelihara. Begitu juga hasrat untuk menubuhkan institut-institut Dakwah, Pendidikan dan Perkadian tidak dapat dilaksanakan. Walaupun institut ini tidak dapat diadakan, tetapi cita-cita murni KIM untuk meninggikan lagi bidang pengajian Islam di rantau ini terus disuarakan. Perkara ini sememangnya dicetuskan supaya mendapat perhatian daripada pihak yang berwajib agar berusaha untuk melaksanakannya pada masa akan datang.

Pada tahun 1961, kurikulum KIM sekali lagi mengalami inovasi. Perubahan ini bertujuan untuk memberi masa yang cukup kepada pelajar, kelayakan rasmi yang diakui terhadap mata pelajaran yang mereka pelajari di Kolej.¹⁴⁹ Para pelajar dapat menumpukan perhatian kepada subjek - subjek baru yang diajar dengan lebih sempurna. Susunan kursus pengajian yang baru seperti berikut:¹⁵⁰

1. Kursus Persediaan selama 3 tahun.

Tujuan kursus ini ialah untuk meluaskan lagi bidang ilmu pengetahuan pelajar baik dalam pelajaran agama, bahasa Arab atau pelajaran akademik. Subjek akademik yang diajar termasuklah, sains, ilmu kira-kira, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Tanah Melayu (*Malayan Studies*).

¹⁴⁹ Kalendar 1965/66, *op.cit.*, h.12.

¹⁵⁰ Kalendar 1965/66, *ibid.*, Cenderamata Ulang Tahun ke-20 Kolej Islam, *op.cit.*, h.15-16; Sufyana, *op.cit.*, h.90-92.

Perubahan ini terpaksa dilakukan setelah KIM menerima surat daripada Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu pada 4 Februari 1961 yang berbunyi:

Kursus Persediaan (*Preparatory Course*) dalam bahagian persediaan di dalam Kolej Islam itu hendaklah mengandungi tujuan dan maksud bagi menyediakan murid-murid bahagian itu untuk mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, dengan yang demikian, pada suatu masa kelak, dapatlah murid-murid dari sekolah-sekolah yang lain (yang berkelayakan dan yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran) memasuki Kolej Islam.¹⁵¹

Pada akhir tahun yang ketiga pelajar-pelajar akan mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu (L.C.E) ,dalam bulan November. Mulai tahun 1962 pelajar-pelajar yang akan diterima belajar dalam Kursus Utama (Main Course) di Kolej Islam hendaklah mempunyai Sijil Pelajaran yang mendapat kelulusan dalam subjek-subjek Bahasa Melayu, Pengetahuan Agama Islam, dan Bahasa Arab.¹⁵²

Dalam peringkat ini juga mereka terpaksa mengambil peperiksaan Sijil Rendah Kolej yang mana tarafnya dianggap sama dengan Sijil Menengah (*Thanawi*)¹⁵³ yang diambil oleh para pelajar Sekolah-sekolah Arab di peringkat negeri. Peperiksaan Sijil Rendah Kolej ini akan diadakan pada bulan Disember, sebaik

¹⁵¹ Surat tersebut bernombor rujukan: M.E.O. 022/34/(32), yang ditandatangani oleh Encik Abdullah bin Sahat, Bagi Pihak Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Lihat dlm., SP 239, No. Fail 1998/0024544 (ANM).

¹⁵² *Ibid.*, h.,2.

¹⁵³ Sijil Menengah (*Thanawi*) menjadi asas bagi seseorang pelajar diterima masuk belajar di KIM.

sahaja pelajar-pelajar mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

2. Peringkat Kolej selama 3 tahun

Walaupun masa pengajian telah dipendekkan menjadi 3 tahun sahaja, mutu pelajarannya tetap dipelihara. Pengajian dalam peringkat ini tetap mengutamakan subjek-subjek agama dan bahasa Arab serta bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa tambahan. Pelajar yang lulus dalam peperiksaan akhir peringkat ini akan mendapat Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya. Bagi mendapat Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya., di samping peperiksaan, pelajar juga dikehendaki menyiapkan latihan ilmiah (tesis).

3. Kursus Pendidikan selama satu tahun

Pelajar yang berpeluang mengambil kursus ini mestilah lulus Sijil Tertinggi KIM. Dalam bahagian ini penekanan diberikan kepada subjek pendidikan dan psikologi serta pelajar didedahkan dengan latihan mengajar di sekolah rendah dan menengah kerajaan. Para pelajar yang berjaya dalam peperiksaan akhir akan mendapat Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya. Diploma ini diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu setaraf dengan Diploma Pendidikan institusi pendidikan tinggi yang lain.

Berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan kurikulum ini, pihak Kolej Islam Malaya telah berusaha agar sijil-sijil yang dikeluarkan oleh KIM mendapat pengiktirafan pihak kerajaan. Sejak tahun 1957, pihak KIM telah membuat permohonan kepada pihak Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat untuk mengkaji kursus-kursus pengajian di KIM dan memberi perakuan serta penilaian yang selayaknya terhadap Sijil Tertinggi KIM. Usaha dan perjuangan menuntut agar pihak kerajaan memberikan pengiktirafan terhadap Sijil Tertinggi KIM digerakkan juga oleh Persatuan Pelajar Kolej Islam Malaya sendiri. Perjuangan yang berterusan itu akhirnya telah disambut oleh Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Encik Mohd. Khir Johari pada tahun 1960. Beliau telah membentuk satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Penasihat Pelajaran bagi melaksanakan tugas tersebut.¹⁵⁴ Walaupun pengakuan lisan Menteri Pelajaran telah dibuat sebelum ini,¹⁵⁵ tetapi pengiktirafan rasmi terhadap Sijil Tertinggi KIM telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran pada 4 Februari 1961.¹⁵⁶ Selari dengan pengiktirafan rasmi itu, pihak Kementerian Pelajaran telah menawarkan

¹⁵⁴ Menurut surat yang dihantar oleh K. Arianayagam bagi pihak Pemangku Setiausaha Kementerian Pelajaran kepada Za'ba, bertarikh 12 Julai 1960, Ref. M.E.O. 022/34/(13), dlm SP 18/6A/4, ANM; Jawatankuasa ini terdiri daripada, Chief Education Adviser - Chairman, Director Teacher Training - Secretary, By Secretary, Ministry of Education, Reresentative, Principal Establishment Officer, Controller of examinations, Dr. Haji Zainal Abidin bin Ahmad - Dewan Bahasa dan Pustaka, Che Lokman bin Musa - Language Institute, Kuala Lumpur, and Ustaz Salleh bin Osman, Ministry of Education.

¹⁵⁵ Pengakuan lisan ini telah dibuat pada 8 Ogos 1959 oleh Menteri Pelajaran En. Mohd. Khir Johari semasa Majlis Penyampaian Sijil-Sijil KIM. Perkara yang menjadi kerumitan pihak Kementerian Pelajaran ialah soal menentukan tangga gaji pemegang sijil berkenaan. Lihat, Kalendar 1965/66, *op.cit.*, h.13. Hal ini dijelaskan juga oleh bekas pensyarah KIM Ustaz Takieuddin Qandil yang dihubungi melalui telefon oleh penulis pada 4.5.2000, jam 9.15 pagi.

¹⁵⁶ Cenderamata KIM, *op.cit.*, h.16. Pengumuman secara lisan untuk mengiktiraf STKIM telah dibuat oleh Menteri Pelajaran yang baru iaitu Encik Abdul Rahman bin Haji Talib

pelbagai skim tangga gaji kepada pemegang Sijil Tertinggi KIM, malangnya tawaran skim tersebut jauh dari memuaskan.¹⁵⁷ Walaupun Sijil Tertinggi KIM tidak diberi nilai ekonomi yang sepatutnya, pemegang-pemegang sijil tersebut, tetap bersabar dan bersyukur atas kejayaan awal perjuangan mereka itu. Mereka terus menyumbangkan khidmat serta bakti dengan penuh keikhlasan demi untuk membangunkan bangsa, negara dan agama.¹⁵⁸ Pengetua Kolej Islam Malaya yang ketiga, Tan Sri Abdul Jalil Hassan dalam ucapan sempena Majlis Penyampaian Sijil KIM pada tahun 1964 menyatakan:

Kejayaan-kejayaan itulah juga yang memberi dorongan kuat kepada pemerintah kita untuk mengakui sijil keluaran Kolej Islam Malaya, walaupun nilai yang diberi itu pada hemat kita belum lagi sesuai dengan taraf ilmu dan pengajian yang telah dicapai oleh penuntut-penuntut Kolej ini. Akan tetapi sebagai langkah pertama kita tetap bersyukur kepada pihak Kerajaan Pusat di atas pengakuan itu, kerana inilah pengakuan yang pertama dan belum pernah diberi kepada mana-mana sekolah agama pun dari dahulu hingga sekarang dan ini juga yang telah mendorongkan Universiti Azhar mengakui sijil kita selaku 'Degree' dan pelajar-pelajar dari Kolej ini dapat mengambil terus kursus tinggi (post-graduate) di sana tanpa peperiksaan.¹⁵⁹

pada 15 Oktober 1960 di Majlis Penyampaian Sijil-Sijil KIM. Mengikut beliau pengiktirafan ini sesuai dengan dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu

¹⁵⁷ Tawaran tangga gaji Kementerian Pelajaran boleh didapati dalam surat J.E Tod Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, M.E, Conf.014/B/(46), bertarikh 4 November 1959. Surat ini disertakan sekali cadangan Kementerian Pelajaran tentang tangga gaji pemegang STKIM. Di samping cadangan yang dibuat oleh pihak KIM yang dihantar oleh Dr. M. Rauf selaku Pengetua.dlm. Surat Persendirian Za'ba, SP18/6A/4 (ANM).

¹⁵⁶ Wawancara

¹⁵⁸ Wawancara dengan Ustaz Ishak Abbas, *op.cit.* Dinyatakan juga oleh Ustaz Hassan Salleh, dan Ustaz Ibrahim Yasin yang telah diwawancara oleh pengkaji.

¹⁵⁹ Ucapan Tan Sri Abdul Jalil Hassan, sempena Majlis Penyampaian Sijil-Sijil KIM pada tahun 1964.dlm., Surat Persendirian Tan Sri Dr. Abdul Jalil Hassan, *op.cit.*

Walaupun perjuangan untuk mendapatkan pengiktirafan dan penilaian terhadap Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya tidak mendapat pulangan yang seadil-adilnya, pihak Universiti Al-Azhar telah mengisytiharkan dengan rasminya akan pengiktirafan mereka terhadap Sijil Tertinggi KIM (STKIM) yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Universiti Al-Azhar.¹⁶⁰ Para pemegang STKIM diterima masuk ke salah sebuah Fakulti Pengajian Bahasa Arab, Usuluddin atau Syariah universiti tersebut untuk membuat kursus lanjutan (*post graduate*) bagi mendapatkan Ijazah Sarjana (M.A). Pengiktirafan ini dibuat setelah pihak Al-Azhar berpuas hati dengan mutu kurikulum KIM. Pengisytiharan yang bersejarah ini telah dilakukan sendiri oleh Sahibul Fadhliah Syeikh Al-Azhar pada masa itu, iaitu Syeikh Mahmud Syaltut dalam satu majlis meraikan beliau di KIM pada 20 Januari 1961.¹⁶¹

Selain daripada Universiti Al-Azhar mengiktiraf STKIM, University of London United Kingdom, juga telah memberi pengiktirafan untuk menerima pemegang-pemegang STKIM untuk melanjutkan pelajaran mereka ke School of Oriental and African Studies di universiti tersebut. Prof. R.B. Serjeant, dari School of African and Oriental Studies, University of London menjelaskan:

In 1961, Al-Azhar University in Cairo recognised the Muslim College of Malaya Higher Certificate as a Degree qualifying its holders to proceed to post-graduate course at Al-Azhar University (al-'Alimiyah). This means that Al-Azhar regards the

¹⁶⁰ Pengisytiharan itu dibuat pada tahun 1961 oleh Syeikhul Azhar, Syeikh Mahmud Shaltut.

¹⁶¹ Usaha-usaha awal ke arah pengiktirafan Universiti Al-Azhar telah dimulakan oleh Tuan Pengetua KIM yang kedua iaitu Dr. Muhammad Abdul Rauf. Beliau tidak pernah berputus asa berjuang agar STKIM mendapat penilaian yang saksama dan adil daripada pihak-pihak tertentu. Beliau juga berjaya memperkenalkan KIM ke seluruh dunia. Lihat Cenderamata Kolej Islam, *op.cit.*, h.17. Salinan surat akuan pengiktirafan Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya di Lampiran C.

Muslim College Higher Certificate as equivalent to its own 'Aliyah degree. The London Board of Oriental and African Studies has up to the present accepted 'Aliyah degree as qualifying a student for admission to a post-graduate course providing that he takes a qualifying examination consisting, as a rule, of three papers of B.A Honours Arabic.¹⁶²

Seramai dua orang keluaran KIM telah melanjutkan pelajaran ke universiti tersebut dalam jurusan Perbandingan Undang-Undang dan telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Ini bermakna taraf dan standard kurikulum yang dilaksanakan di Kolej Islam Malaya sudah bertaraf dunia, walaupun ada pihak-pihak yang masih sangsi akan kemampuan pelajar keluaran Kolej Islam.

Kesimpulannya, perancangan strategik untuk memaju dan mengembangkan lagi KIM dalam pelbagai bidang telah dapat disempurnakan oleh Majlis Kolej Islam Malaya, Jawatankuasa Akademik Kolej Islam Malaya, para pensyarah, para pelajar, staf bukan akademik, dan tidak kurang pentingnya peranan yang sungguh bermakna yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Begitu juga nasihat-nasihat serta idea-idea yang telah diberikan oleh pihak Universiti Al-Azhar, Mesir. Walaupun dalam jangka masa reformasi ini, KIM terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dalaman dan luaran. Masalah yang dilalui ini telah mematangkan lagi KIM ke arah menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang berwibawa dan berdaya saing.

¹⁶² Usaha-usaha awal ke arah pengiktirafan Universiti Al-Azhar telah dimulakan oleh Tuan Pengetua KIM yang kedua iaitu Dr. Muhammad Abdul Rauf.. Beliau tidak pernah berputus asa berjuang agar STKIM mendapat penilaian yang saksama dan adil daripada pihak-pihak tertentu. Beliau juga berjaya memperkenalkan KIM ke seluruh dunia. Lihat Cenderamata Kolej Islam, *op.cit.*, h.17. Salinan surat akuan pengiktirafan Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya di Lampiran C.